

**KOMPETENSI LISAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL DALAM PENGAJARAN
BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA.**

NANTAH A/L PONNUSAMY

**SARJANA PENDIDIKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

2014

Kebenaran Menggunakan Tesis

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan di Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti untuk mempamerkan tesis sarjana ini sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts dan Sciences. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika terdapat sebarang rujukan ke atas tesis ijazah sarjana ini.

Kebenaran untuk menyalin dan menggunakan tesis sarjana ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Literatur berkaitan pemerolehan bahasa kedua (B2) lebih berpusatkan kepada pelajar dan didapati hampir tiada kajian yang bertemakan kompetensi lisan guru B2 khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Malaysia. Maka, terdapat kelompondan kajian iaitu kemampuan dan kebolehan guru sebagai penyampai B2 dalam bilik darjah belum lagi dikaji. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu di SJKT dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai B2 di Daerah Kulim dan Kuala Muda serta cabaran dan langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu di SJKT. Kajian ini berbentuk mod campuran. Penyelidik menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah untuk memilih seramai 105 orang guru India yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Tahap kompetensi mereka diukur dengan menggunakan borang Matriks Penilaian Kemahiran Lisan Bahasa Asing Stanford (FLOSEM). Responden diminta untuk menilai sendiri tahap kompetensi lisan bahasa Melayu yang terdiri dari enam tahap dalam lima domain. Kaedah temu bual terbuka digunakan untuk mengenal pasti cabaran dan langkah-langkah dalam memantapkan tahap kompetensi para guru. Pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih responden. Kaedah triangulasi digunakan untuk meningkatkan tahap kesahan temu bual. Hasil dapatan FLOSEM menunjukkan tahap kompetensi lisan bahasa Melayu majoriti guru di SJKT berada pada skor pertengahan rendah (16 – 20) sahaja. Para responden pula menghadapi pelbagai cabaran seperti gangguan bahasa ibunda, bukan opsyen bahasa Melayu serta kurang berupaya mengajar secara berkesan dalam bahasa Melayu. Bagi mengatasi masalah ini, sebuah alat ukur dicadangkan untuk mengukur tahap kompetensi lisan bahasa Melayu. Selain itu kursus baru dan pemantauan yang lengkap harus diperkenalkan kepada guru SJKT. Kajian ini selari dengan teori pemerolehan B2 Krashen yang mencadangkan $C = i+1$, jika pelajar berada pada tahap i , pemerolehan B2 berlaku apabila guru menyampaikan ‘input difahami’. Kajian ini amat berguna khususnya kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pendidikan untuk membangunkan mutu Bahasa Melayu di SJKT.

Kata kunci : Kompetensi Lisan, Pemerolehan Bahasa Kedua, Kemahiran bahasa asing, Bahasa Melayu

Abstract

Literature of the second language acquisition (L2) was student-centred and found that there is limited research on the teachers' second language (L2) in verbal competency, particularly at the National-type Tamil Schools (SJKT) in Malaysia. So, there is research gap exists on teachers' capabilities and abilities as an L2 presenter in classroom. This research aims to identify the verbal competency level of the Malay language teachers at SJKT in teaching the Malay language as an L2 in the districts of Kulim and Kuala Muda as well as identifying the challenges and measures to improve the level of verbal competency of the Malay language teachers in SJKT. This research is used mixed mode design. The researcher used the simple random sampling method to select 105 Indian teachers teaching the Malay language. Their level of competency is measured using the Stanford Foreign Language Oral Skills Evaluation Matrix form (FLOSEM). The respondents were asked to evaluate their own verbal competency level consisting of six stages in five domains. An open interview used to identify challenges and measures in enhancing the competency of Indian teachers. Purposive sampling was used to select respondents. The triangulation method was used to improve the validity of the interview. The results acquired from FLOSEM show that the verbal competency level of the Malay language of the majority of teachers in SJKT is in lower intermediate scores (16 – 20) only. The respondents faced various challenges such as interference of their native language; Malay language is not their option as well as lacking ability to teach Malay language. To overcome this problem, an instrument suggested for measuring the level of Malay language oral competency. In addition, new courses and complete monitoring should be introduced to SJKT teachers. This study is in line with the Krashen L2 acquisition theory which suggests that $C = i+1$, if the student is at the 'i' level, the L2 acquisition is achieved when the teacher delivers 'comprehensible input'. This research is useful, especially for those responsible such as Ministry of Education to develop the quality of the Malay language in SJKT.

Keywords: Oral Competency, Second Language Acquisition, Foreign Language Skill, Malay Language

Penghargaan

Segala puji bagi Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat jua akhirnya saya menyiapkan Tesis Sarjana ini sebagai memenuhi keperluan syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan. Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada semua guru dan pensyarah yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar yang berguna selama ini, khasnya kepada Dr. Arumugam a/l Raman selaku Penyelia Tesis Sarjana ini. Jasa dan budi tuan, hanya Tuhan yang mampu membalasnya. Penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujukan kepada Guru besar SJK(T) Batu Pekaka, Tuan Subramaniam a/l Danapal dan Puan B.Marimuthu di atas perkongsian ilmu dan sokongan yang diberikan. Penghargaan ini juga ditujukan khas buat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darulaman, pihak sekolah, Guru Pakar Bahasa Melayu, Ketua Panitia Bahasa Melayu, Guru-guru Bahasa Melayu, serta guru-guru yang sedia memberikan kebenaran dan komitmen dalam menjalankan kajian ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada isteri tersayang, Preema a/p Ramasamy yang begitu sabar dan memahami situasi saya. Penghargaan ini juga ditujukan kepada ahli keluarga dan rakan seperjuangan serta kepada semua yang telah sudi memberikan kerjasama dan dorongan yang begitu tinggi.

Sekian, terima kasih.

Senarai Kandungan

| | |
|--|-----------|
| Kebenaran Menggunakan Tesis..... | i |
| Abstrak..... | ii |
| Abstract..... | iii |
| Penghargaan..... | iv |
| Senarai Kandungan..... | v |
| Senarai Jadual | viii |
| Senarai Rajah..... | x |
| Senarai Singkatan..... | xi |
| Senarai Lampiran..... | xii |
| | |
| BAB SATU PENGENALAN..... | 1 |
| 1.1 Pendahuluan..... | 1 |
| 1.2 Latar belakang Kajian..... | 1 |
| 1.3 Pernyataan Masalah Kajian..... | 5 |
| 1.4 Objektif Kajian..... | 6 |
| 1.5 Persoalan Kajian..... | 7 |
| 1.6 Kerangka Konsep..... | 7 |
| 1.7 Kepentingan Kajian..... | 9 |
| 1.8 Batasan Kajian..... | 9 |
| 1.9 Definisi Operasional dan Terma..... | 10 |
| 1.10 Rumusan..... | 12 |
| | |
| BAB DUA TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN..... | 13 |
| 2.1 Pendahuluan..... | 13 |
| 2.2 Teori Pemerolehan Bahasa Kedua..... | 14 |
| 2.2.1 Behaviorisme dan Pemerolehan L2 | 14 |

| | | |
|--|--|-----------|
| 2.2.2 | Teori Innatisme dan Pemerolehan L2..... | 16 |
| 2.2.3 | Teori Pemerolehan L2 Krashen..... | 17 |
| 2.2.4 | Teori Interaktionisme dan Pemerolehan L2..... | 19 |
| 2.3 | Kajian-kajian Lepas..... | 20 |
| 2.3.1 | Kajian-kajian Lepas Luar Negara..... | 21 |
| 2.3.2 | Kajian-kajian Lepas Dalam Negara..... | 24 |
| 2.3.3 | Kajian Berkaitan Instrumen Kajian..... | 26 |
| 2.4 | Rumusan..... | 30 |
| BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN..... | | 31 |
| 3.1 | Pendahuluan..... | 31 |
| 3.2 | Reka bentuk Kajian..... | 31 |
| 3.3 | Populasi Kajian..... | 32 |
| 3.4 | Sampel Kajian..... | 35 |
| 3.5 | Instrumen Kajian..... | 37 |
| 3.6 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian..... | 40 |
| 3.7 | Kajian Rintis..... | 43 |
| 3.8 | Prosedur Kajian..... | 45 |
| 3.9 | Triangulasi Data..... | 61 |
| 3.10 | Carta Pelaksanaan Kajian..... | 62 |
| 3.11 | Prosedur Analisis Data..... | 67 |
| 3.12 | Rumusan..... | 68 |
| BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN..... | | 69 |
| 4.1 | Pendahuluan..... | 69 |
| 4.2 | Ciri-ciri Responden..... | 70 |
| 4.3 | Tahap Kompetensi Lisan Bahasa Melayu..... | 70 |
| 4.3.1 | Tahap Pemahaman Guru SJKT..... | 74 |
| 4.3.2 | Tahap Kefasihan Guru SJKT..... | 75 |
| 4.3.3 | Tahap Perbendaharaan kata Guru SJKT..... | 77 |

| | | |
|---|--|-----------|
| 4.3.4 | Tahap Sebutan Guru SJKT..... | 78 |
| 4.3.5 | Tahap Tatabahasa semasa pertuturan..... | 79 |
| 4.4 | Apakah cabaran dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam Bahasa Melayu?..... | 80 |
| 4.5 | Apakah langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam Bahasa Melayu?..... | 90 |
| 4.6 | Rumusan..... | 98 |
| BAB LIMA PERBINCANGAN DAN RUMUSAN..... | | 99 |
| 5.1 | Pendahuluan..... | 99 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian..... | 99 |
| 5.3 | Perbincangan Kajian Kuantitatif..... | 101 |
| 5.4 | Perbincangan Kajian Kualitatif..... | 105 |
| 5.5 | Cadangan untuk Penyelidikan Lanjut..... | 119 |
| 5.6 | Rumusan..... | 120 |
| RUJUKAN..... | | 122 |
| LAMPIRAN..... | | 129 |

Senarai Jadual

| | | |
|-------------|--|----|
| Jadual 3.1 | Senarai Pakar Rujuk Kesahan Instrumen..... | 42 |
| Jadual 4.1 | Skor kompetensi lisan Bahasa Melayu..... | 71 |
| Jadual 4.2 | Tahap kompetensi lisan guru Bahasa Melayu bukan siswazah di SJKT..... | 72 |
| Jadual 4.3 | Tahap kompetensi lisan guru siswazah..... | 73 |
| Jadual 4.4 | Tahap Pemahaman Guru SJKT..... | 74 |
| Jadual 4.5 | Tahap Kefasihan Guru..... | 75 |
| Jadual 4.6 | Perbendaharaan Kata..... | 77 |
| Jadual 4.7 | Sebutan Guru-guru SJKT..... | 78 |
| Jadual 4.8 | Domain Tatabahasa..... | 79 |
| Jadual 4.9 | Respon soalan 1..... | 80 |
| Jadual 4.10 | Rumusan respon soalan 1..... | 81 |
| Jadual 4.11 | Respon soalan 2..... | 81 |
| Jadual 4.12 | Rumusan respon soalan 2..... | 82 |
| Jadual 4.13 | Respon soalan 3..... | 82 |
| Jadual 4.14 | Rumusan respon soalan 3..... | 83 |
| Jadual 4.15 | Respon soalan 4..... | 84 |
| Jadual 4.16 | Rumusan respon soalan 4..... | 84 |
| Jadual 4.17 | Respon soalan 5..... | 85 |
| Jadual 4.18 | Rumusan respon soalan 5..... | 85 |
| Jadual 4.19 | Respon soalan 6..... | 86 |
| Jadual 4.20 | Rumusan respon soalan 6..... | 86 |
| Jadual 4.21 | Respon soalan 7..... | 87 |

| | | |
|-------------|------------------------------|----|
| Jadual 4.22 | Rumusan respon soalan 7..... | 87 |
| Jadual 4.23 | Respon soalan 8..... | 88 |
| Jadual 4.24 | Rumusan respon soalan 8..... | 89 |
| Jadual 4.25 | Respon soalan 9..... | 89 |
| Jadual 4.26 | Rumusan respon soalan 9..... | 90 |
| Jadual 4.27 | Respon soalan 1..... | 90 |
| Jadual 4.28 | Rumusan respon soalan 1..... | 91 |
| Jadual 4.29 | Respon soalan 2..... | 91 |
| Jadual 4.30 | Rumusan respon soalan 2..... | 92 |
| Jadual 4.31 | Respon soalan 3..... | 93 |
| Jadual 4.32 | Rumusan respon soalan 3..... | 93 |
| Jadual 4.33 | Respon soalan 4..... | 94 |
| Jadual 4.34 | Rumusan respon soalan 4..... | 94 |
| Jadual 4.35 | Respon soalan 5..... | 95 |
| Jadual 4.36 | Rumusan respon soalan 5..... | 95 |
| Jadual 4.37 | Respon soalan 6..... | 96 |
| Jadual 4.38 | Rumusan respon soalan 6..... | 96 |
| Jadual 4.39 | Respon soalan 7..... | 97 |
| Jadual 4.40 | Rumusan respon soalan 7..... | 97 |

Senarai Rajah

| | | |
|-----------|---|----|
| Rajah 1.1 | Kerangka konsep kajian | 8 |
| Rajah 2.1 | Kerangka Teoritikal..... | 20 |
| Rajah 3.1 | Dua Peringkat Pelaksanaan Dalam Kajian..... | 63 |
| Rajah 3.2 | Langkah-langkah Peringkat Pertama..... | 64 |
| Rajah 3.3 | Langkah-langkah Peringkat Kedua..... | 66 |

Senarai Singkatan

| | | |
|--------|---|--|
| AACTE | - | <i>American Association of Colleges fo Teacher Education</i> |
| IPG | - | Institut Perguruan Malaysia |
| PdP | - | Pengajaran dan Pembelajaran |
| BPG | - | Bahagian Pendidikan Guru |
| SPSS | - | <i>Statistical Package for Sosial Science</i> |
| SJKT | - | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil |
| FPN | - | Falsafah Pendidikan Negara |
| B1 | - | Bahasa Pertama |
| B2 | - | Bahasa Kedua |
| FLOSEM | - | <i>Stanford Foreign Language Oral Skills Evaluation Matrix</i> |
| CI | - | <i>Comprehensible input</i> |
| CAPS | - | <i>Complex Adaptive System Principles</i> |

Senarai Lampiran

| | | |
|------------|--|-----|
| Lampiran 1 | Alat Kajian (FLOSEM)..... | 129 |
| Lampiran 2 | Soalan dan Jawapan Temuramah..... | 131 |
| Lampiran 3 | Surat Kelulusan Jabatan Pelajaran Bagi Mengikuti Kursus..... | 155 |
| Lampiran 4 | Kelulusan Perlanjutan Tempoh Pengajian..... | 157 |
| Lampiran 5 | Surat Pengesahan Pelajar UUM..... | 158 |
| Lampiran 6 | Kelulusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan..... | 159 |

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pengukuran tahap kompetensi lisan guru bahasa merupakan satu perkara baru di Malaysia. Walaupun penilaian standard sudah wujud di negara-negara maju, *American Association of Colleges for Teacher Education* (AACTE, 1985), Malaysia masih lagi ketinggalan dalam hal ini. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui kaedah penilaian yang sedia ada di Institut Pendidikan Guru (IPG) ataupun di Universiti tempatan yang lebih mengutamakan peperiksaan akhir, praktikal dan kokurikulum (BPG, 2013). Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas, Koeperun Devi Samu (1992), Norris dan Ortega (2000), penyelidik mencadangkan sebuah alat untuk mengukur tahap kompetensi lisan guru perlu diwujudkan untuk memastikan sama ada para guru sudah layak untuk mengajar bahasa pertama (B1) ataupun bahasa kedua (B2). Kajian ini berfokuskan kepada pengukuran tahap kompetensi lisan bahasa kedua guru-guru khususnya di sekolah-sekolah Tamil.

1.2 Latar belakang Kajian

Diketahui umum bahawa orang India merupakan golongan imigran yang datang dari India untuk memajukan ekonomi Tanah Melayu semasa pemerintahan British. Kaum India yang berhijrah ke Tanah Melayu rata-ratanya berpendidikan rendah. Bangsa Tamil merupakan golongan yang terbesar daripada kalangan penghijrah India ke Tanah Melayu. Mereka berhijrah dari India Selatan secara besar-besaran untuk bekerja

sebagai buruh di ladang-ladang kopi, teh, tebu, dan getah. Kesan penghijrahan ini, sekolah-sekolah Tamil terpaksa didirikan di kawasan-kawasan ladang bagi mendidik anak-anak pekerja ladang tersebut. Oleh itu, pada awalnya sekolah-sekolah ini ditubuhkan oleh orang persendirian iaitu pemilik ladang tersebut. Hal ini bermaksud, pemilik ladang menyediakan semua keperluan sekolah sendiri dan sekolah ini sangat bersentimen 'ke-Indiaan' iaitu segala keperluan diimport dari negara asal mereka India termasuklah sukatan pelajaran, buku-buku teks, serta guru-guru.

Kini Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) merupakan salah sebuah institusi pendidikan di negara ini. Ia merupakan kesinambungan sekolah vernakular yang diperkenalkan oleh British sejak zaman penjajahan lagi. Namun, selepas negara mencapai kemerdekaan banyak perubahan telah dilakukan oleh kerajaan dalam pemantapan sistem pendidikan negara dan dalam usaha murni ini dan SJKT juga tidak terkecuali. Perlu juga diingat bahawa bukan semua sekolah Tamil ditaja penuh kerajaan malah terdapat juga sekolah Tamil menerima bantuan modal. Hal ini boleh dianggap cabaran atau halangan untuk menguasai bahasa Melayu yang tidak dipentingkan semasa penjajahan British kerana para ibu bapa sekolah bantuan modal lebih mementingkan bahasa ibunda.

Selepas kemerdekaan, Penyata Razak dijadikan sebagai asas Ordinan Pelajaran 1957 bagi merealisasikan peranan bahasa Malayu sebagai bahasa kebangsaan, serta agen perpaduan negara. Kerajaan telah memperkenalkan sukatan pelajaran yang selaras untuk semua sekolah rendah. Ia bermaksud sukatan pelajaran yang telah digunakan

sebelum ini yang diambil dari India dimansuhkan serta digantikan dengan sukatan pelajaran yang baru dan selaras dengan sekolah lain. Selain itu, bahasa Tamil mula digunakan sebagai bahasa Pengantar rasmi di SJKT.

Walaupun sekolah SJKT dan SJKC dikekalkan tetapi setiap warganegara Malaysia sama ada Melayu, Cina, India atau lain-lain kaum perlu menguasai bahasa Melayu. Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan dalam perkara 152, bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai asas yang sangat penting dalam pembinaan negara. Selain itu, bahasa Melayu juga telah menerima pengiktirafan sebagai bahasa rasmi negara dan juga bahasa kebangsaan negara Malaysia dalam Perkara 152. Penguasaan bahasa Melayu di negara kita sangat penting kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum dimana ia memerlukan suatu bahasa yang berkualiti tinggi sebagai bahasa komunikasi atau pengantaraan kepada rakyat Malaysia. Setiap kaum di Malaysia haruslah dapat memahami serta menguasai bahasa ini dengan lebih mendalam. Dalam hal ini guru memainkan peranan sebagai penyampai ilmu serta memikul beban merealisasikan visi dan misi negara.

Harapan yang besar daripada rakyat Malaysia menjadikan tugas guru bahasa Melayu semakin hari semakin tercabar dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengajar bahasa Melayu. Kini golongan guru bahasa Melayu berhadapan dengan satu lagi cabaran serius dan harus mengatur strategi yang bernas untuk menanamkan keyakinan dalam kalangan masyarakat terhadap bahasa Melayu. Justeru, sebagai langkah penting guru-guru pula harus memiliki unsur-unsur

cemerlang seperti kreatif, inovatif dan kompetensi lisan yang baik serta berupaya mengubah suai pendekatan yang lebih efektif semasa berhadapan dengan murid.

SJKT tidak terkecuali dengan masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. bahasa Melayu merupakan B2 di SJKT. Tambahan pula kebanyakan guru yang mengajar B2 berlatarbelakangkan bahasa Melayu sebagai B2. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa kedua berhadapan dengan pelbagai masalah. Antaranya yang kerap menjadi tema kajian ialah pengaruh B1 (Suthanthiradevi, 1996), sikap (Mirela, 2012), hubungan kesedaran fonologi B1 dengan keupayaan membaca B2 (Eva, & Reka, 2013), faktor berganda dalam pemerolehan B2, kesan tipologi kognitif dan B2 (Ryan dan Kaoru, 2013), imigran berpendidikan rendah dan B2 (Martha, 2013), dan lain-lain lagi. Kajian Martha, (2013) dijadikan panduan untuk mengembangkan penyelidikan ini kerana ia berkaitan dengan imigran. Walau bagaimanapun kajian Martha, (2013) sama seperti kajian-kajian lain lebih berfokuskan kepada pelajar dan bukannya guru.

Guru-guru India yang dilatih sama ada di IPG ataupun di universiti ditempatkan di sekolah-sekolah Tamil yang kebanyakannya berada di kawasan pedalaman ataupun estet. Hampir 90% guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah-sekolah Tamil terdiri daripada kaum India (BPK, 2013). Oleh yang demikian, kajian ini berfokuskan kepada guru-guru Tamil yang mengajar bahasa Melayu di sekolah-sekolah Tamil. Perlu diingat bahawa bahasa Melayu merupakan B2 kepada guru-guru India yang sedang mengajar di sekolah-sekolah Tamil.

Masalah PdP B2 di SKJT sangat unik. Kajian ini berlainan daripada kajian-kajian lain kerana ia berpusatkan kompetensi guru. Ia akan meninjau teori, kajian literatur dan metodologi berkaitan dengan pemerolehan B2 serta menjustifikasikan keperluan alat ukur kompetensi lisan B2 yang mantap untuk guru-guru India yang sedang mengajar bahasa Melayu sebagai B2.

1.3 Penyataan Masalah

Daripada tinjauan awal, Abu Bakar, Zainudin, S.Haridas, dan Dineshkumar (2011) penyelidik mendapati tema kajian B2 para pengkaji sebelum ini, lebih berpusatkan kepada pelajar. Hanya kajian Jean, (1991) membincangkan keperluan alat pengukuran kompetensi komunikasi lisan B2 yang mantap bagi Pensijilan Guru. Walau bagaimanapun perbincangan Jean adalah di luar skop kajian ini kerana kajian ini bukannya berkaitan pensijilan guru. Para pengkaji di Malaysia pula didapati lebih menjuruskan kajian mereka ke arah proses PdP B2 pelajar berbanding guru (Koeperun Devi, 1992; Mohd Fairol, 1995; Narayanan, 1993; Suthanthiradevi, 1996). Penyelidik mendapati hampir tiada kajian yang bertemakan kompetensi lisan guru B2 khususnya yang berkaitan dengan SJKT.

Pada akhir perbincangan kajian, Koeperun Devi (1992) mengutarakan satu persoalan penting. Persoalannya ialah adakah semua warga pendidik yang mengajar bahasa Melayu sebagai B2 di SJKT mempunyai kompetensi lisan yang harus dimiliki oleh seseorang guru untuk berhadapan dengan murid? Penyelidik juga mendapati wujudnya lompong kajian iaitu kemampuan dan kebolehan guru sebagai penyampai B2 dalam

bilik darjah belum lagi dikaji sama ada di peringkat IPG ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya di SJKT.

Selain itu, penyelidik juga mendapati alat ukur yang sedia ada tidak mengukur tahap kompetensi lisan B2 guru malah lebih kepada pengukuran tahap kompetensi lisan B2 pelajar (FLOSEM, 1999). Dengan itu, kajian ini mengisi lompong yang telah wujud sekian lama dengan mereka bentuk 'penanda aras' untuk mengukur tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu di SJKT'.

Audiens yang akan bermanfaat dari hasil kajian ini terdiri dari kumpulan profesional iaitu guru, pentadbir sekolah, ibu bapa, penggubal dasar pendidikan dan juga para peserta kajian.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:


- 1) Untuk mengukur tahap kompetensi lisan bahasa Melayu guru-guru India SJK Tamil yang sedang mengajar bahasa Melayu daripada aspek pemahaman, kefasihan, perbendaharaan kata, sebutan dan tatabahasa.
- 2) Untuk mengenal pasti cabaran dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu.
- 3) Untuk mengenal pasti langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu.

1.5 Persoalan Utama Kajian

- 1) Apakah tahap kompetensi lisan bahasa Melayu guru-guru India SJK Tamil yang sedang mengajar bahasa Melayu daripada aspek pemahaman, kefasihan, perbendaharaan kata, sebutan dan tatabahasa?
- 2) Apakah cabaran dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu?
- 3) Apakah langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu?

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini berasaskan kepada teori pemerolehan B2. Walaupun terdapat banyak teori dan kaedah dikembangkan untuk memahami pemerolehan B2 tetapi tiga teori yang dianggap jantung kepada teori pemerolehan B2 terkini ialah Behaviorisme, Innatisme (*Innatism*) dan Interaktionisme (*Interactionism*) (Romana, 2012). Ketiga-tiga teori ini akan dibincangkan secara mendalam dalam bab ketiga. Kajian ini menjadi lebih mantap apabila dapatan daripada kuantitatif menerusi instrumen FLOSEM yang diubah suai dibandingkan dengan dapatan kualitatif. Penyelidik mendapati dapatan daripada kuantitatif sahaja tidak mencukupi untuk menentukan tahap kompetensi lisan Bahasa Melayu guru-guru India yang mengajar Bahasa Melayu di SJKT. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

Sampel kajian diperoleh melalui kaedah pensampelan rawak yang melibatkan keseluruhan populasi guru-guru India yang sedang mengajar bahasa Melayu di SJKT di Negeri Kedah Darul Aman. Penentuan saiz sampel berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan, (1970). Instrumen pula diadaptasikan daripada kajian Padilla dan Sung, (1999) dan diubah suai mengikut keperluan kajian semasa.

1.7 Kepentingan Kajian

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) memberi keutamaan kepada setiap orang murid berkebolehan dalam bahasa Melayu. Kedua-dua guru dan pelajar perlu berkompentensi dalam isu komunikasi lisan supaya boleh membaca, memahami, menjelaskan serta berbincang idea-idea baharu. Malangnya, di sekolah Tamil tiada satu kerangka untuk guru supaya boleh diikuti untuk memastikan apa yang guru bertutur dan bertanya boleh difahami, dibalas serta dijawab dengan sempurna oleh para pelajar. Selain itu, kerangka ini juga boleh digunakan di institut perguruan sebagai panduan untuk mengukur kompetensi lisan guru-guru pelatih sebelum mereka ditempatkan di SJKT. Oleh yang demikian, satu kajian ataupun kerangka harus dibangunkan untuk mengukur tahap kompetensi lisan supaya para guru sekolah Tamil tidak ketinggalan dalam memberi sumbangan kepada wawasan 2020.

1.8 Batasan-batasan Kajian

Kajian ini mengukur tahap kompetensi lisan guru di SJKT sahaja dan hanya menekankan aspek lisan sahaja. Kajian melibatkan dua buah daerah sahaja dan tidak boleh diaplikasikan kepada semua guru dari sekolah-sekolah Tamil yang lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama ataupun yang tidak sama dengan sekolah kajian. Kajian ini melibatkan hanya lima aspek bahasa Melayu sahaja.

1.9 Definisi Operasional dan Terma

Walaupun pelbagai definisi terdapat dalam dunia akademik berkaitan dengan angkuabah kajian, penyelidik meringkaskan definisi operasional dan terma berdasarkan batasan kajian.

1.9.1 Tahap Kompetensi Lisan

Tahap kompetensi lisan diukur berdasarkan alat kajian iaitu FLOSEM yang diubah suai mengikut keperluan kajian. Nilai skor 1 hingga 6 diperuntukkan bagi setiap komponen FLOSEM dan dijumlahkan kesemuanya untuk menentukan tahap kompetensi lisan guru di SJKT. (0/1 – 05 Produksi Pra, 06 – 10 Produksi Awal, 11 - 15 Kemunculan Pertuturan, 16 – 20 Kelancaran (Pertengahan Rendah), 21 – 25 Kelancaran (Pertengahan Tinggi), 26 – 30 Lanjutan (Penuturan Asli).

1.9.2 Kompetensi

Kompetensi boleh ditakrifkan sebagai kebolehan, tahap ilmu pengetahuan yang tinggi dan sesuai dengan profesionalisme yang dilakukan serta perilaku seseorang profesional yang wajib dimiliki dalam melaksanakan tugas harian.

1.9.3 Kompetensi Lisan

Kemampuan atau kebolehan warga pendidik berkomunikasi dan berinteraksi secara efektif dengan murid-murid, sesama pendidik, tenaga kependidikan, ibu bapa, murid-murid, dan masyarakat.

19.4 Bahasa Kedua (B2)

Bahasa kedua (sering disingkatkan kepada B2) merupakan bahasa individu atau masyarakat yang tidak diperoleh sejak kelahirannya (contohnya bahasa Melayu dipelajari oleh guru India di Malaysia).

1.9.5 Guru bahasa Melayu

Dalam konteks kajian ini guru bahasa Melayu merupakan individu lelaki atau perempuan berbangsa India yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan sedang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di SJKT negeri Kedah Darul Aman.

1.9.6 Sekolah Tamil

Sekolah Tamil merujuk kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negara Malaysia yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu diajar mulai Tahun 1 hingga Tahun 6. Para pelajar akan mengikuti sukatan pelajaran yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.10 Rumusan

Secara khususnya kajian ini berfokus kepada guru-guru bahasa Melayu yang sedang mengajar matapelajaran bahasa Melayu di SJKT. Tahap kompetensi lisan bahasa Melayu diukur untuk menentukan sama ada mereka memiliki tahap kompetensi yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

BAB DUA

TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN

2.1 Pendahuluan

Kajian ini menumpukan kepada tahap kompetensi B2. Bahasa Melayu merupakan B2 kepada subjek kajian (guru India) ini. Oleh yang demikian, satu tinjauan yang berkaitan dengan teori dan hipotesis pemerolehan bahasa kedua perlu difahami secara mendalam. Terdapat beberapa teori asas dibangunkan untuk menggambarkan bagaimana bahasa diperoleh, belajar dan diajar. Teori-teori tersebut ialah seperti teori behaviorisme, teori *mentalis (Innatism)*, teori rasionalis (teori kognitif), *interaktionisme* dan teori pemerolehan B2 Krashen. Setiap teori menyumbangkan bahagiannya kepada proses pembelajaran B2. Namun tidak ada satu teori tunggal yang boleh diterima oleh semua para penyelidik pemerolehan B2. Selain itu, kajian-kajian dari luar negara dan dalam negara perlu diteliti untuk memastikan kajian ini benar-benar memberikan manfaat kepada sistem pendidikan negara Malaysia. Tambahan lagi instrumen kajian yang pernah digunakan untuk mengukur tahap kompetensi lisan guru-guru B2 dibincangkan untuk menjustifikasikan kebolehan mengguna instrumen.

2.2. Teori Pemerolehan Bahasa Kedua

Hasil literatur menunjukkan terdapat pelbagai teori dan hipotesis pemerolehan bahasa kedua (B2) yang membincangkan bagaimana individu belajar bahasa kedua. Penyelidikan dalam pemerolehan bahasa kedua adalah berkait rapat dengan beberapa

disiplin termasuk linguistik, sosiolinguistik, psikologi, serta pendidikan, dan akibatnya kebanyakan teori pemerolehan bahasa berakar umbi daripada salah satu disiplin ini.

2.2.1 Behaviorisme dan Pemerolehan B2

Tinjauan literatur Horwitz, (2008), menunjukkan teori behaviorisme mementingkan bahasa pertuturan. Medium untuk mengajar ialah pertuturan; pertuturan merupakan bahasa kerana terdapat banyak bahasa dalam dunia ini wujud tanpa huruf (tulisan) kerana kita belajar bertutur sebelum belajar membaca dan menulis. Maka, bahasa pada asasnya berbentuk pertuturan dan kemudiannya ditulis. Oleh yang demikian, bahasa pertuturan perlu diberi keutamaan dalam pengajaran bahasa.

Teori behaviorisme percaya bahawa bayi mempelajari bahasa lisan daripada model main peranan (*role model*) manusia lain melalui proses yang melibatkan tiruan, ganjaran, dan amalan. Dalam persekitaran bayi, model main peranan menyediakan rangsangan dan ganjaran, Reutzel, dan Cooter, (2004). Kanak-kanak mencuba untuk belajar bahasa lisan, meniru bunyi atau corak ucapan biasanya dipuji dan diberi kasih sayang untuk usaha mereka. Oleh itu, pujian dan kasih sayang menjadi ganjaran. Jika ganjaran berperanan komponen penting dalam perkembangan bahasa, apakah yang berlaku jika ibu bapa tiada apabila kanak-kanak itu cuba bertutur/bercakap? Jika ganjaran menjadi motivasi kepada bayi untuk belajar adakah pertuturan akan berhenti jika kurangnya ganjaran, Reutzel, & Cooter, (2004).

Selain itu, terdapat juga kekurangan dalam teori behaviorisme seperti penerangan tentang pengaruh sosial ke atas pembelajaran tidak diterangkan dengan memuaskan.

Sejauh manakah pengaruh sosial dan persekitaran menggalakkan pembelajaran bahasa? Soalan ini masih tidak dapat dijelaskan. Tambahan pula pembelajaran bahasa berbeza antara seorang individu dengan lain dan setiap orang tidak boleh belajar dalam keadaan yang sama di mana pembelajaran berlaku berdasarkan latar belakang dan pengalaman pelajar. Di samping itu, mengikut Chomsky (1957), perlu ada beberapa kapasiti semula jadi yang mempengaruhi mereka untuk mencari bentuk (*pattern*) asas dalam bahasa. Strategi utama teori behaviorisme hanya boleh berlaku dalam peringkat awal pembelajaran kanak-kanak. Lebih-lebih lagi, sebahagian besar teori ini merupakan hasil daripada eksperimen haiwan dan pembelajaran. Kebanyakan proses pembelajaran terlalu kompleks, oleh sebab itu, terdapat pemboleh ubah berselang (*intervening variable*) tidak boleh diperhatikan antara rangsangan dan tindak balas. Dengan itu, pemerolehan bahasa tidak boleh berlaku melalui proses pembentukan tabiat, kerana pelajar berada antara rangsangan dan rangkaian tindak balas. Keadaan ini menyulitkan pembelajaran bahasa dalam masa yang singkat.

2.2.2 Teori Innatisme dan Pemerolehan B2

Teori Innatisme juga dikenali sebagai teori pemerolehan bahasa rasionalis atau Mentalis, telah dibangunkan pada pertengahan abad ke-20 oleh ahli bahasa Amerika terkenal Chomsky, (1959). Ia muncul sebagai reaksi terhadap teori pembelajaran bahasa behaviorisme dan hampir bercanggah setiap bahagian struktur asas. Walaupun Chomsky disanjung sebagai pengasas, dalam realiti teori ini telah wujud selama beratus-ratus tahun. Cadangan Chomsky hanya memurnikan konsep lama. Walaupun ia berbentuk radikal dalam banyak cara, ia mampu untuk meletakkan beberapa konotasi utama bagi pemerolehan bahasa B2.

Chomsky menegaskan bahawa manusia memiliki keupayaan semula jadi untuk mempelajari bahasa iaitu peranti pemerolehan bahasa (*Language Acquisition Device*). Beliau mendakwa setiap kanak-kanak lahir bersama struktur linguistik universal atau tatabahasa universal. Apabila kanak-kanak didedahkan kepada komuniti masing-masing *Language Acquisition Device* akan dipicu (*Trigger*) dan mula bercakap bahasa komuniti tersebut tanpa disedari. Teori ini tidak banyak membantu proses pemerolehan bahasa kedua kerana ia menegaskan kognitif dan faktor biologi (Lenneberg, 1964).

2.2.3 Teori Pemerolehan B2 Krashen

Teori Stephen Krashen digunakan secara meluas dalam semua bidang penyelidikan bahasa kedua dan pengajaran sejak 1980-an. Teori pemerolehan B2 ini terdiri daripada lima hipotesis utama.

(1) Hipotesis pemerolehan-pembelajaran (*The acquisition-learning hypothesis*)

Perbezaan pemerolehan-pembelajaran adalah yang paling asas bagi semua hipotesis dalam teori Stephen Krashen ini dan yang paling banyak dikenali di kalangan ahli bahasa dan pengamal bahasa.

(2) Hipotesis monitor

Hipotesis monitor menerangkan hubungan antara pemerolehan dan pembelajaran dan mentakrifkan pengaruh antara satu sama lain. Fungsi monitor merupakan hasil praktikal dari tatabahasa yang dipelajari. Menurut Krashen pengetahuan sedar tentang peraturan bahasa tidak membantu pemerolehan. Pengetahuan sedemikian sekadar menggilap struktur bahasa yang diperoleh melalui komunikasi. Beliau percaya pemerolehan bahasa perlu berlaku melalui proses komunikasi dan bukannya melalui pembelajaran 'peraturan bahasa'.

(3) Hipotesis Susunan Semula jadi

Hipotesis perintah semula jadi adalah berdasarkan kepada hasil penyelidikan Stephen, (1988) yang mencadangkan bahawa pemerolehan struktur tatabahasa berikut "susunan semula jadi" yang boleh diramalkan. Susunan ini berlainan dengan kaedah bahasa yang

diajarkan dalam bilik darjah. Beliau menegaskan bahawa susunan pembelajaran di luar dan di dalam bilik darjah tidak berbeza.

(4) Hipotesis Input

Menurut Stephen, (1988) pemerolehan berlaku apabila wujudnya a) input yang boleh difahami (CI), b) CI wujud apabila pelajar memahami mesej dan berfokus terhadap maknanya, c) $C = i + 1$; input yang mengandungi bentuk dan struktur di luar tahap kompetensi pelajar, d) CI tidak perlu diperkemas, e) Pendengaran/Bacaan (input) merupakan aspek penting dalam pemerolehan bahasa. Pertuturan/Penulisan (output) merupakan hasil dan bukan penyebab pemerolehan bahasa.

(5) Hipotesis Filter Afektif

Dalam hipotesis ini 'input' yang dapat difahami tidak boleh digunakan oleh penutur B2 jika terdapat sekatan mental yang menghalang 'input' itu daripada digunakan dengan sepenuhnya. Tambahan lagi, faktor-faktor efektif seperti motivasi, keyakinan diri dan imej diri yang baik dikatakan mempengaruhi seseorang untuk menguasai B2 dengan lebih mudah.

Teori Hipotesis Input menerima kritikan kerana kekurangan bukti empirikal dan bukan senang untuk diuji. Pengetahuan semasa pelajar ('i') tidak dapat ditentukan dengan jelas dan adakah formula ' $i + 1$ ' dijana untuk kegunaan semua aspek bahasa termasuk fonologi dan sintaks. Walaupun terdapat pelbagai masalah dalam cadangan Stephen,

para penyelidik lain menyelidik dengan lebih teliti ciri-ciri data bahasa yang sedia ada sebagai input kepada pelajar B2.


2.2.4 Teori Interaktionisme dan Pemerolehan B2

Berbanding Stephen, (1988) yang percaya bahawa hanya satu hala input difahami (*comprehensible*) diperlukan untuk pemerolehan B2, teoretis bertanggapan interaktionisme mengakui peranan komunikasi dua hala. Interaktionis melihat pembelajaran bahasa sebagai hasil daripada "interaksi antara kebolehan mental pelajar dan persekitaran linguistik." (Ellis, 1985). Pendek kata, pembelajaran bahasa berlaku kerana interaksi antara seseorang dan persekitaran kehidupannya. Oleh itu, fokus Interaktionis adalah berkaitan dengan bagaimana bahasa dan pembangunan kognitif berperanan dalam konteks interaksi (Goh & Silver, 2004).

Penyelidikan di bawah teori ini memiliki beberapa kekangan. Antaranya ialah: i) Kebanyakan kajian dijalankan di negara-negara barat, ii) Kurangnya kajian yang berfokuskan struktur bahasa B2 dan iii) Cubaan untuk membentuk model masih tidak lengkap atau berselerak.

2.2.4.1 Teori Menyokong Kajian

Kajian ini berkaitan dengan pengukuran tahap kompetensi lisan B2 guru-guru India di SJKT. Tinjauan literatur menunjukkan bahawa empat teori utama kerap menjadi rujukan para penyelidik dalam kajian pemerolehan B2. Keempat-empat teori ini telah pun dibincangkan dan penyelidik mendapati tiada satu teori pun yang boleh menyokong kajian ini seratus peratus. Oleh yang demikian, penyelidik mengambil kira setiap B2 di atas dan mengadakan supaya ia boleh menjadi perencah untuk menyokong kajian. Teori behaviorisme, Teori Innatisme, Teori Krashen, Teori Interaktionisme masing-masing menerima pujian dan kritikan serius. Dengan itu, penyelidik menggunakan kekuatan setiap teori dalam merangka kerangka konseptual kajian. Jadual 2.1 menunjukkan peranan setiap teori dalam kajian ini.



Rajah 2.1 Kerangka Teoritik

2.3 Kajian-kajian lepas

Dalam bahagian ini penyelidik membahagikan tinjauan literatur kepada dua bahagian utama iaitu tinjauan kajian-kajian luar dan dalam negara. Disebabkan kebanyakan teori dan kajian yang berkaitan dengan pemerolehan B2 diperoleh daripada persekitaran Anglo maka adalah wajar perbincangan dilakukan berdasarkan dua bahagian ini.

2.3.1 Kajian-kajian lepas luar negara

Luna dan John (2013) memperkenalkan model baru dalam pemerolehan bahasa kedua iaitu Complex Adaptive System Principles (CASP). Mereka merumuskan kajian mereka dengan mencadangkan sebuah model pemerolehan B2. Model mereka merupakan hasil daripada isu-isu tertentu dalam pemerolehan B2; pertama pemerolehan bahasa, pemrosesan bahasa, tipologi dan kerumitan. Antara prinsip-prinsip model ini ialah :

i) **Meminimumkan Usaha Belajar (Minimize Learning Effort)**

Pelajar bahasa kedua (B2) lebih suka untuk meminimumkan usaha pembelajaran apabila mereka belajar ciri-ciri tatabahasa dan leksikal daripada B2. Usaha pembelajaran dapat dikurangkan dalam beberapa cara. Ia dapat dikurangkan apabila ciri-ciri tatabahasa dan leksikal yang dikongsi antara B1 dan B2 boleh dipindahkan terus ke dalam B2, dan dengan itu mengeksploitasi pengetahuan yang sedia ada dari B1. Ia dapat dikurangkan apabila ciri-ciri B2 sering berlaku dalam input B2, yang meningkatkan pendedahan mereka dan memudahkan pembelajaran.

ii) Meminimumkan Usaha Memproses (Minimize Processing Effort)

Pelajar bahasa kedua (B2) lebih suka untuk meminimumkan usaha pemrosesan apabila mereka menggunakan ciri-ciri tatabahasa dan leksikal daripada B2, seperti perlakuan penutur asli. Walaupun ciri-ciri yang lebih kompleks telah dipelajari di peringkat perolehan, pelajar B2 masih lebih suka untuk menggunakan ciri-ciri mudah, seperti penutur asli lakukan.

Walau bagaimanapun, model CASP ini belum mengambil kira prinsip-prinsip seperti sosial dan pedagogi. Penyelidik mencadangkan menggunakan simulasi komputer untuk mengkaji kemungkinan dan ketidakmungkinan laluan B1 ke B2 berdasarkan cadangan simulasi Kirby, (1999).

Mirela, (2012) telah menyiasat kesan sikap terhadap pergeseran (*attrition*) B1 dan pemerolehan B2 berdasarkan teori sistem dinamik. Menurut beliau faktor 'sikap' umumnya dianggap paling berpengaruh terhadap pergeseran bahasa pertama (B1). Walau bagaimanapun, pengesahan empirikal telah membuktikan sukar untuk mengesahkannya. Walaupun terdapat kajian yang tidak dapat mencari pautan yang jelas antara sikap dan B1 pergeseran, Hulsen, (2000), kajian lain menunjukkan bahawa sikap yang dijana daripada peristiwa-peristiwa hidup yang luar biasa mempengaruhi pergeseran Schmid, (2002). Kajian Mirela meneroka kesan sikap melalui soal selidik dan temu bual - pada pergeseran B1 dan penguasaan B2. Analisis kuantitatif mendedahkan keputusan sebahagiannya signifikan sekali gus mencadangkan bahawa faktor sikap akan mempunyai kesan yang terhad terhadap pergeseran B1. Sebaliknya, analisis kualitatif individu mendedahkan hubungan penting antara sikap dan profil

kemahiran bahasa imigran. Beliau mendapati hubungan antara sikap dan pergeseran bahasa B1 tidak linear. Kajian sesuai dengan konteks kajian ini sebab bangsa India adalah kaum imigran dan mereka belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di Malaysia. Kesan sikap terhadap pergeseran bahasa Tamil sebagai B1 dengan pemerolehan B2 perlu dilihat kerana sikap merupakan salah satu faktor yang kuat mempengaruhi pemerolehan B2, Schmid (2007).

Kajian Ryan dan Kaoru, (2013) mengkaji bagaimana tipologi kognitif mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua. Kajian ini berfokuskan pelajar Jepun dan Cina, berbentuk eksperimen dan menguji tiga hipotesis utama. Hipotesis pertama yang diberikan adalah bahawa penutur asli mempamerkan kecenderungan yang lebih tinggi menggunakan kata kerja daripada penutur asli bahasa Inggeris. Data menyokong hipotesis ini, pelajar Jepun dan Cina mempamerkan perbezaan yang signifikan untuk menggunakan corak rangka kata kerja daripada penutur asli bahasa Inggeris. Hipotesis kedua mengandaikan bahawa penutur asli akan belajar mengekodkan kata kerja lebih cepat berbanding daripada penutur asli bahasa kata kerja berbingkai. Ujian ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam cara pelajar Cina dan Jepun kecenderungan pengekodan. Pelajar Cina yang jauh lebih cenderung untuk mengekodkan kata kerja utama seperti penutur asli bahasa Inggeris. Ini mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa penutur Cina cenderung untuk memberi tumpuan lebih kepada cara gerakan dalam ibunda mereka sendiri. Hipotesis terakhir mengandaikan bahawa penutur asli terdenderung untuk menggantikan kata kerja dengan bahasa ibunda dengan 'go' dalam bahasa Inggeris. Ujian ANOVA sekali lagi menunjukkan perbezaan signifikan antara

pelajar Jepun dan Cina. Pelajar cenderung ‘berfikir untuk bertutur’ Slobin, (2004) dalam bahasa ibunda dan semata-mata menggantikan dengan perkataan ‘go’ tanpa memahami bahawa ia boleh digantikan dengan ‘come’ atau lain. Kajian seperti ini sangat berkaitan dengan kajian ini kerana ia merupakan salah satu kajian yang melibatkan dua kumpulan responden yang berasal di benua Asia iaitu Jepun dan Cina dan bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua dalam amalan kehidupan harian.

2.3.2 Kajian-kajian Lepas Dalam Negara

Pengkaji mendapati tiada satu pun kajian yang secara langsung memfokuskan kepada guru-guru SJKT yang mengajar bahasa Melayu. Walau bagaimana pun pengkaji membuat keputusan untuk meninjau secara meluas apakah aspek-aspek yang penting untuk membolehkan guru menyampaikan ilmu kepada para murid.

Kajian berkaitan pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu murid-murid India merupakan salah satu kajian yang boleh digunakan untuk memantapkan kajian ini (Suthanthiradevi, 1996). Kajian ini dijalankan di Pekan Buntung, Perak. Seramai 180 orang murid dari SJKT Sungai Pari dan SJKT Methodist terlibat dalam kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses penggantian fonem vokal bahasa Melayu dalam aspek leksikal paling banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Dalam aspek ayat pengaruh tersebut diwakili melalui binaan ayat penyata. Pengaruh seperti pemindahan bahasa ibunda paling ketara dalam aspek kata dasar yang menerima pengaruh bunyi vokal dan konsonan bahasa Tamil. Tambahan lagi,

pemerhatian ke atas aspek pertuturan bahasa Melayu murid-murid membuktikan bahasa memanjangkan bunyi vokal dalam kata pinjaman kerap terdapat pada kata dasar. Di samping itu, fenomena percampuran kod bahasa Melayu-Tamil terutama yang terdiri daripada jenis ayat penyata turut dikesan. Dalam proses pembelajaran secara tidak formal tinjauan menunjukkan unsur linguistik tambahan (*extra linguistic*) bahasa ibunda yang paling dominan. Penyelidik merumuskan bahawa sikap terhadap bahasa ibunda sangat kukuh menyebabkan penguasaan bahasa Melayu menjadi terhad. Walaupun begitu, kajian ini hanya berfokuskan kepada murid-murid sahaja dan bukannya guru. Harus diingati bahawa guru-guru yang sedang mengajar di SJKT pernah melalui proses PdP yang sama sebelum menjadi guru bahasa Melayu di SJKT. Ringkasnya, pengajar sendiri perlu berubah demi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid India.

Kooperun Devi Samu, (1992) pula berpendapat kebanyakan guru kurang cekap dalam menjalankan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Mereka tidak memberikan penekanan untuk mengenal pasti jalan penyelesaian bagi masalah gangguan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa kedua iaitu bahasa Melayu. Menurut beliau guru bahasa kedua mestilah bersedia untuk menghadapi murid dengan meningkatkan tahap kebolehan diri iaitu dalam penyampaian pengajaran, memahami kebolehan dan kelemahan murid. Adalah wajar kalau dikatakan bahawa guru merupakan satu faktor penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Kecekapan, kebolehan dan pengalaman yang ada pada seseorang guru merupakan unsur-unsur yang akan menentukan peranan guru. Masalah-masalah pembelajaran bahasa kedua akan

dapat dikurangkan sekiranya guru bahasa kedua mempunyai pendekatan yang sesuai dan menarik. Guru bahasa kedua seharusnya berusaha mengkaji masalah-masalah pembelajaran bahasa yang dihadapi oleh murid-muridnya dan seterusnya mencari jalan penyelesaian baginya.

2.3.3 Kajian berkaitan Instrumen Kajian

Kriteria penilaian komunikasi lisan diberi perhatian sejak 1970-an hingga kini. Penilaian komunikasi lisan telah digunakan secara meluas di 40 buah negeri Amerika Syarikat. *National Communication Association (NCA)*, (1990) mencadangkan beberapa kriteria antaranya: i) Kriteria am; ii) Kriteria penilaian kandungan; iii) Kriteria penilaian instrumen; iv) Kriteria prosedur dan pentadbiran penilaian dan v) Kriteria kekerapan penilaian. Kriteria-kriteria ini telah menjadi panduan sistem pendidikan di Amerika Syarikat untuk memantapkan penilaian komunikasi lisan di sekolah masing-masing. Berdasarkan kriteria NCA (1990) beberapa buah instrumen dibangunkan untuk mengukur komunikasi lisan. Antaranya *Student Oral Proficiency Assessment (SOPA)*, *CAL Oral Proficiency Exam (COPE)*, *Student Oral Language Observation Matrix (SOLOM)*, *IDEA Oral Language Proficiency Test (IPT)* dan *Stanford Foreign Language Oral Skills Evaluation Matrix (Flosem)* merupakan instrumen yang sedang digunakan dalam dunia penilaian komunikasi lisan.

2.3.3.1 *Student Oral Proficiency Assessment (SOPA)*

Temu duga SOPA merupakan penilaian kecekapan inovatif bahasa yang direka bentuk untuk membolehkan pelajar mempamerkan tahap tertinggi kelancaran lisan, tatabahasa, perbendaharaan kata dan kefahaman mendengar. Penilaian inovatif interaktif ini direka bentuk khususnya bagi mereka yang belajar bahasa asing di sekolah. Ia meliputi aktiviti amali yang dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa asing. Pelajar dinilai oleh sepasang pentadbir semasa aktiviti dikendalikan. Fokus utama temu duga ialah untuk menentukan apa yang boleh dibuat oleh pelajar dengan bahasa asing.

2.3.3.2 *CAL Oral Proficiency Exam (COPE)*

COPE mengukur keupayaan pelajar untuk memahami, bercakap dan difahami oleh orang lain dalam bahasa kedua. Ia menggunakan wawancara lisan/teknik main peranan dengan dua orang pelajar dalam satu masa. Pada asasnya ujian ini mengukur kemahiran bahasa kognitif-akademik (kebolehan berbincang tajuk perkara (*subject matter*) dengan berkesan) dan juga bahasa sosial (perbincangan keluarga, rekreasi dan lain-lain lagi). Penilai menilai kecekapan pelajar daripada segi kefasihan, perbendaharaan kata, dan tatabahasa berdasarkan rubrik penarafan Garis Panduan Majlis Kemahiran Pengajaran Bahasa Asing Amerika (ACTFL).

2.3.3.3 Student Oral Language Observation Matrix (SOLOM)

SOLOM adalah skala penarafan yang boleh digunakan oleh guru untuk menilai bahasa lisan pelajar berdasarkan apa yang mereka lihat secara berterusan dalam pelbagai situasi seperti: perbincangan kelas, interaksi di taman permainan, pertemuan antara kelas. Guru padankan prestasi bahasa pelajar dalam lima bahagian utama iaitu: i) kefahaman mendengar, ii) perbendaharaan kata, iii) kefasihan, iv) tatabahasa, dan v) sebutan. Ia dinilai melalui skala mata 1 hingga 5 untuk setiap bahagian. Markah untuk domain individu boleh digabungkan ke dalam jumlah markah di mana jumlah 19 atau 20 boleh dianggap mahir. Skor SOLOM mewakili sama ada seorang pelajar boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kelas yang memerlukan penguasaan bahasa. SOLOM tidak memerlukan situasi ujian yang berdedikasi. Untuk melengkapkan guru hanya perlu tahu kriteria penilaian dan memahami amalan bahasa pelajar mereka.

2.3.3.4 IDEA Oral Language Proficiency Test (IPT)

Ujian Lisan IPT ditadbir secara individu berbentuk temu bual lisan berstruktur, di mana penilai bertanya soalan-soalan kepada pelajar atau memberi arahan. Penilai akan memberikan Skor kepada jawapan pelajar sama ada betul atau salah pada setiap item yang ditadbir. Beberapa item adalah berdasarkan pada gambar manakala yang lain adalah berdasarkan kepada interaksi antara penilai dan pelajar. Sebagai contoh, pelajar mengenal pasti objek atau tindakan dalam gambar, mendengar cerita dan menjawab soalan-soalan tentang watak dalam cerita, dan menjawab soalan-soalan tentang diri

mereka, pendapat dan pengalaman mereka. Penilaian ujian lisan melibatkan empat domain iaitu bahasa Inggeris, lisan atau Sepanyol: perbendaharaan kata, tatabahasa, kefahaman, dan secara lisan. Item yang dikumpulkan dalam beberapa peringkat. Pada akhir setiap peringkat, pemeriksa memadankan bilangan kesilapan di peringkat tersebut dan membandingkan dengan peraturan pemarkahan yang memberitahu pemeriksa itu sama ada berhenti menguji atau meneruskan ke peringkat seterusnya . Dengan cara ini, pelajar memajukan diri melalui setiap tahap ujian sehingga ujian itu selesai atau sehingga mereka berhenti di peringkat tertinggi berdasarkan penguasaan bahasa mereka. Pelajar kemudiannya diberikan salah satu daripada enam tahap skor berikut: A, B, C, D, E, atau F.

2.3.3.5 Stanford Foreign Language Oral Skills Evaluation Matrix (Flosem)

Pembangunan Penilaian Matrix Bahasa Asing Kemahiran Lisan Stanford (*FLOSEM*) merupakan skala penilaian untuk menilai penguasaan berkomunikasi dalam bahasa asing. Maklumat mengenai utiliti daripada FLOSEM dibentangkan berdasarkan kepada keputusan daripada tiga kajian. Langkah-langkah penguasaan lisan FLOSEM didapati melalui 573 orang pelajar sekolah tinggi yang mendaftar pada awal persekolahan di Jepun, Cina, dan Korea. Pelajar juga menggunakan FLOSEM untuk mengadar kemahiran mereka sendiri dalam bahasa asing. Selain penilaian FLOSEM , penguasaan lisan turut dinilai untuk subset 132 orang pelajar melalui alat Temu duga Kompetensi Lisan (COCI), yang merupakan temu bual ringkas selama 5-7 minit. Dapatan kajian mendedahkan bahawa FLOSEM boleh digunakan untuk pertumbuhan pengindeksan

penguasaan bahasa asing di dalam dan di peringkat pengajaran. Korelasi antara penilaian pelajar dan guru-guru sendiri tinggi secara statistik di semua peringkat arahan untuk ketiga-tiga bahasa. Korelasi antara penilaian kemahiran diperoleh daripada FLOSEM dan COCI juga tinggi dan penting secara statistik . Penemuan ini menyokong penggunaan FLOSEM sebagai langkah yang sah, boleh dipercayai, dan mudah penguasaan komunikatif sedia untuk digunakan oleh guru-guru bahasa asing.

2.4 Rumusan

Hasil tinjauan literatur menunjukkan kajian berkaitan tahap kompetensi guru SJKT di Malaysia belum dilaksanakan. Kebanyakan kajian lebih berfokus kepada murid dan bukannya guru. Hampir semua kajian mengabaikan pengukuran tahap kompetensi guru yang menyampaikan B2 dalam bilik darjah. Tambahan pula, tenaga pengajar matapelajaran bahasa Melayu di SJKT terdiri daripada kaum India dan matapelajaran tersebut merupakan B2 untuk mereka. Kajian-kajian dalam negeri (Koeperundevi, 1992; Fairol, 1995; Narayanan, 1993; Suthanthiradevi, 1997) lebih berfokus kepada masalah PdP bahasa Melayu di SJKT dan bukannya guru. Walau bagaimanapun, pengkaji lepas (Koeperundevi, 1992) mencadangkan aspek kompetensi perlu diukur untuk memastikan guru-guru berkompeten menyampaikan B2 kepada pelajar dengan jayanya.

BAB TIGA

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Bagi melaksanakan kajian ini dengan efektif, metodologi yang dirangka adalah melibatkan pemilihan reka bentuk, kaedah pengumpulan data, penentuan populasi dan pemilihan sampel, instrumen kajian, ujian rintis dan kaedah penganalisan data.

3.2 Reka bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang akan dilaksanakan secara keratan rentas (*cross-section*) dengan menganalisis data secara kuantitatif dan kualitatif.

Mengikut Patton, (1990), pendekatan kuantitatif mampu mengukur reaksi dan tindak balas responden terhadap soal selidik yang terhad dan dapat menganalisis masalah yang dikaji dengan ringkas dan tepat. Ini kerana data kuantitatif adalah sistematik, piawai, mudah dianalisis dan dikemukakan dalam masa yang singkat.

Analisis data secara kualitatif pula digunakan untuk mengenal pasti keperluan pengukuran tahap kompetensi guru SJKT dalam bahasa Melayu serta mengenal pasti cabaran dan cara mengatasi masalah dalam pengukuran tahap kompetensi Guru SJKT dalam bahasa Melayu. Cara pendekatan ini juga telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lalu di dalam mengkaji strategi komunikasi bahasa kedua Ang Lai Hoon (1992).

Pengkaji akan menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah (a) tinjauan dan (b) temu bual. Dalam kaedah tinjauan, pengkaji menggunakan instrumen borang soal selidik kompetensi lisan (FLOSEM). Kaedah tinjauan dipilih untuk mengumpul maklumat mengenai profil responden dan mengenal pasti tahap kompetensi responden. Sementara kaedah temu bual digunakan pengkaji untuk mengenal pasti keperluan pengukuran tahap kompetensi Guru SJKT dalam bahasa Melayu serta mengenal pasti cabaran langkah-langkah mengatasi masalah dalam pengukuran tahap kompetensi lisan Guru SJKT dalam bahasa Melayu melalui transkripsi rakaman audio proses temu bual dengan 5 orang responden yang terpilih (*purposive sampling*) berdasarkan jawatan yang disandang oleh mereka.

Pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini ialah skor tahap kompetensi komunikasi lisan bahasa Melayu Guru SJKT yang diperolehi melalui soal selidik kompetensi lisan yang dijalankan terhadap setiap responden.

3.3 Populasi Kajian

Populasi keseluruhan merupakan jumlah subjek atau objek yang akan diteliti. Populasi dalam ilmu sosial pula merupakan manusia dalam sebuah masyarakat. Dalam kajian ini pengkaji, memilih guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang mengajar bahasa Melayu di negeri Kedah Darulaman sebagai populasi kajian kerana hampir semua sekolah SJKT di Malaysia memiliki ciri-ciri pengurusan, kurikulum, penilaian dan pemantauan yang sama. Para guru yang dipilih sedang berkhidmat dalam senarai seperti berikut:

1. SJK (T) Kulim
2. SJK (T) Ladang Badenoch
3. SJK (T) Ladang Binjol
4. SJK (T) Ladang Bukit Sembilan
5. SJK (T) Ladang Katumba
6. SJK (T) Ladang Kuala Ketil
7. SJK (T) Ladang Kim Seng
8. SJK (T) Ladang Malakoff
9. SJK (T) Ladang Pelam
10. SJK (T) Ladang Kupang
11. SJK (T) Ladang Sungai Puntar
12. SJK (T) Tun Sambanthan
13. SJK (T) Ladang Sungai Tukang
14. SJK (T) Ladang Sungai Getah
15. SJK (T) Ladang Kuala Muda, Bhg Home
16. SJK (T) Ladang Sungai Dingin
17. SJK (T) Ladang BMR, Kulim
18. SJK (T) Mahajothy
19. SJK (T) Batu Pekaka
20. SJK (T) Padang Meiha
21. SJK (T) Paya Besar
22. SJK (T) Victoria
23. SJK (T) Harvard 1

24. SJK (T) Harvard 2
25. SJK (T) Harvard 3
26. SJK (T) Barathy
27. SJK (T) Ladang Sungai Raya
28. SJK (T) Bedong
29. SJK (T) Saraswathy
30. SJK (T) Bukit Jenun
31. SJK (T) Dabulin 5 Karangan
32. SJK (T) Thiruvalluar
33. SJK (T) Ladang Jabi
34. SJK (T) Kalaimagal
35. SJK (T) Kalaivaani
36. SJK (T) Sungai Batu
37. SJK (T) Sungai Bongkoh
38. SJK (T) Ladang Topah
39. SJK (T) Ladang Sungkap Para
40. SJK (T) Ladang Lubuk Segintah
41. SJK (T) Ladang Perbadanan
42. SJK (T) Palanisamy Kumaran
43. SJK (T) Ladang Scarboro
44. SJK (T) Sungai Tok Pawang
45. SJK (T) Changlun
46. SJK (T) Darulaman

47. SJK (T) Ladang Paya Kemunting
48. SJK (T) Ladang Anak Kulim
49. SJK (T) Ladang Bagan Sena
50. SJK (T) Ladang Bukit Sidim
51. SJK (T) Ladang Bukit Selarong
52. SJK (T) Ladang Dublin 7 Karangan
53. SJK (T) Ladang Henrietta
54. SJK (T) Ladang Somme
55. SJK (T) Ladang Sungai Ular
56. SJK (T) Ladang Weliesley
57. SJK (T) Ladang Buntar
58. SJK (T) Ladang Ganesar

3.4 Sampel Kajian

Terdapat 523 SJK Tamil di seluruh Malaysia, 324 buah sekolah menerima bantuan modal kerajaan yang kebanyakannya terletak di kawasan ladang-ladang, manakala bakinya merupakan sekolah kerajaan. Di negeri Kedah pula terdapat 58 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan seramai 976 orang guru bekerja di sekolah-sekolah tersebut. Pengkaji telah membuat undian untuk memilih sampel kajian daripada populasi kajian. Dengan itu, pengkaji telah memilih guru-guru yang bekerja di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang berada di Daerah Kuala Muda dan Kulim sebagai sampel kajian berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan (1970). Terdapat 40 buah Sekolah Tamil di kawasan kajian. Seramai 143 orang guru mengajar bahasa Melayu di

SJKT Daerah Kulim dan Kuala Muda. Berdasarkan kepada jadual pemilihan sampel Krejcie & Morgan seramai 105 orang guru dipilih secara rawak untuk menjalankan kajian disebabkan masa dan kos yang terlibat adalah tinggi. Sampel kajian ini dipilih dengan menggunakan kaedah rawak. Bilangan sampel ini adalah memadai bagi kajian berbentuk tinjauan atau deskriptif, Fraenkel dan Norman (1996).

Sementara dalam peringkat kedua kajian, pengkaji memilih seramai 5 orang sebagai sampel melalui kaedah '*purposive sampling*'. Pemilihan ini dilaksanakan kepada mata pelajaran yang dikenal pasti berdasarkan sumbangan yang diberikan oleh mereka terhadap bahasa Melayu serta jawatan yang disandang oleh mereka. Antara mereka ialah guru cemerlang bahasa Melayu, guru pakar bahasa Melayu, guru besar, penolong kanan bahasa Melayu dan guru bahasa Melayu. Sampel dalam bahagian kedua ini adalah untuk mengenal pasti keperluan pengukuran tahap kompetensi guru SJKT dalam bahasa Melayu serta mengenal pasti cabaran dan langkah-langkah mengatasi masalah dalam pengukuran tahap kompetensi guru SJKT dalam bahasa Melayu.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berbentuk (a) soal selidik (FLOSEM) dan (b) temu bual yang dirakam dan ditranskripsikan.

3.5.1 Soal selidik (FLOSEM)

Instrumen soal selidik dianggap sesuai dalam bidang pendidikan dalam pengumpulan data, (Mohd Majid Konting, 1990). Untuk tujuan ini, pengkaji akan mengedarkan satu set soal selidik (FLOSEM) kepada responden untuk mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan. FLOSEM direka untuk menyediakan penarafan global keupayaan untuk menguasai bahasa asing, dan difahami oleh orang lain. FLOSEM boleh digunakan sebagai kedua-dua pra dan pasca ujian. Selain itu, FLOSEM banyak digunakan dalam persekitaran pendidikan kerana pengkaji tidak diperlukan untuk menjalankan ujian lisan di luar kelas, ia juga tidak memerlukan latihan yang sah seperti yang diperlukan untuk temu bual kemahiran lisan.

FLOSEM merupakan alat yang sah, digunakan dengan meluas dan boleh dipercayai yang dibangunkan oleh Padilla dan rakan-rakannya dari Universiti *Stanford* (Lindholm & Leary, 2005; Padilla & Sungm 1979). FLOSEM merupakan alat kajian yang digunakan untuk menilai tahap kompetensi sendiri. Dalam kajian ini para responden diminta untuk menilai sendiri tahap kompetensi lisan yang terdiri dari enam tahap dalam lima domain, iaitu kefahaman, kelancaran, perbendaharaan kata, sebutan dan tatabahasa.

Bagi setiap kemahiran wujudnya enam tahap iaitu daripada penutur awal sehingga penutur asli (*native speaker*) dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, instrumen ini digunakan secara intensif untuk mengukur bahasa-bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan bahasa Cina.

3.5.2 Temu bual

Temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti penyelidik menyoal untuk mendapatkan jawapan atau respons yang dihajati daripada responden atau peserta penyelidikan (Mason, 2002). Punch, (2001) menghuraikan kaedah temu bual sebagai satu kaedah yang membolehkan penyelidik mengakses persepsi responden, makna atau pemahaman yang dibina oleh responden, takrifan responden tentang sesuatu situasi, dan konstruk realiti dunia sebagaimana dilihat dan dialami oleh responden.

Dalam Kajian ini, penyelidik telah menjalankan temu bual secara perseorangan dikalangan 5 orang responden, di mana dalam proses ini terdapat seorang penemu bual (penyelidik) dan seorang responden berinteraksi antara satu dengan yang lain. Melalui kaedah temu bual, penyelidik telah bertanya dengan lebih terperinci tentang aspek yang diselidik, terutamanya isu berkaitan perasaan, pendapat mahupun fakta dengan lebih mendalam yang lazimnya tidak mampu diperolehi melalui tadbiran kaedah tinjauan, ujian atau lain-lain kaedah yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Selain daripada mendapatkan maklumat yang lebih terperinci secara lisan, penggunaan temu bual

sebagai kaedah pengumpulan data juga telah membolehkan maklumat tambahan diperoleh melalui perlakuan bukan lisan, seperti apabila responden berhenti bercakap, mimik muka serta pergerakan mata dan badan.

Dalam Kajian ini, penyelidik telah menjalankan temu bual separa berstruktur, yakni soalan yang hendak diajukan telah digubal terlebih dahulu sebelum temu bual dijalankan. Walau bagaimanapun, urutan soalan, cara soalan diaju, dan bentuk soalan telah berubah-ubah, bergantung kepada reaksi dan tindak balas yang telah diberi oleh peserta penyelidikan. Kandungan protokol temu bual, termasuk penerangan yang diberikan serta pemilihan dan penyusunan soalan yang diaju, juga telah diubah mengikut persepsi penemu bual berdasarkan apa yang dirasakannya perlu atau bersesuaian pada waktu dan ketika temu bual dijalankan.

Soalan susulan yang spontan semasa menemu bual dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur telah membenarkan penemu bual untuk mengajukan soalan berdasarkan reaksi responden terhadap soalan yang terdahulu. Dalam erti kata lain, temu bual jenis ini telah dijalankan secara lebih fleksibel. Soalan separa berstruktur yang disenaraikan terlebih dahulu juga telah membolehkan soalan seterusnya diaju untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sebanyak 16 soalan (Semi structured) dibentuk dan dibuat semakan silang (sumber data kajian literatur) Johnson, (1997). Proses temu bual telah dibuat rakaman audio serta didengar oleh pengkaji secara berulang kali. Kemudian perbualan tersebut telah ditulis dalam bentuk transkrip. Selepas penyusunan semula data yang diperoleh melalui temu bual satu kerangka analisis akan dibentuk dan sekali gus pengekodan tema akan dibuat

melalui perisian komputer (Nvivo) oleh pengkaji. Akhir sekali pengkaji akan membuat laporan.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan (validity) dan kebolehpercayaan (reliability) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti Patton, (1990).

3.6.1 Kesahan FLOSEM

3.6.1.1 Kesahan

Kesahan didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningfulness*) dan kebolegunaan (*usefulness*) instrumen yang membolehkan data-data diinferenkan Fraenkel, (2005). Tujuan penyelidik membuat kesahan instrumen adalah bagi menjamin kesahan item-item (instrumen) agar bersifat ; (a) *defensibility* (dapat dipertahankan – hasil kajiannya tepat dan berguna), (b) *accuracy* (ketepatan – menjawab persoalan kajian), (c) *appropriateness* (kesesuaian – relevan dengan tujuan kajian), (d) *meaningfulness* (bererti – memberi makna terhadap data melalui skor) dan (e) *usefulness* (kebolegunaan – mampu membuat keputusan berhubung dengan apa yang cuba dicari atau dihasilkan kerana keputusan dari penilaian tersebut boleh menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk dan pembolehubah yang hendak diukur untuk menginferenkan data kajian) .

Menurut Fraenkel, (2005), terdapat tiga teknik dalam menentukan validity instrumen;

(a) *content-related evidence of validity* - Ia merujuk kepada ketepatan kandungan dan format instrumen, sifat komprehensif instrumen, kebolegunaan variabel, ketepatan dan kecukupan kandungan item-item yang boleh memberi kefahaman kepada sampel untuk menjawabnya serta ketekalan kandungan dan format item untuk diukur dan dinilai oleh sampel. Teknik ini menggunakan sekumpulan pakar rujuk (*expert judgment / intelligent judgment*) bagi membuktikan ketepatan kandungan item ketika menilai instrumen.

(b) *criterion-related evidence of validity* Ia merujuk kepada perhubungan antara skor yang diperoleh dari satu instrumen dengan skor yang diperoleh daripada satu atau lebih instrumen yang lain untuk melihat bagaimana kekuatan hubungan instrumen-instrumen tersebut.

(c) *construct-related evidence of validity*. Ia merujuk kepada darjah pembuktian yang total yang diperoleh secara tekal daripada pelbagai bukti yang berbeza.

Bagi instrumen soal selidik penyelidik telah menggunakan teknik *Criterion – Related Evidence* untuk mengumpulkan bukti (*collecting evidence*) terhadap kesahan instrumen melalui sekumpulan pakar rujuk (*expert judgment*). Penyelidik telah melantik beberapa orang pakar untuk mengesahkan instrumen kajian seperti jadual 3.1. Jadual 3.1, menunjukkan senarai pakar rujuk bagi mengesahkan kesahan luaran dan kesahan kandungan instrumen soal selidik dan instrumen ujian kompetensi lisan.

Jadual 3.1

Senarai Pakar Rujuk Kesahan Instrumen

| Bil | Nama | Jawatan | Aspek Rujukan Pakar |
|-----|-----------------|--|--|
| 1. | Penyelia | Pensyarah Pembimbing | Menilai aspek kandungan instrumen menepati kehendak kurikulum. |
| 2. | Cik. P. Usha | Guru Pakar B.Melayu | Menilai aspek laras bahasa instrumen menepati aras bahasa. |
| 3. | Pn.M.Mariamah | Guru Cemerlang B.Melayu | Menilai aspek tata bahasa instrumen. |
| 4. | En. Tamilselvan | Penolong Pengarah, Bahagian Bahasa, JPN Kedah. | Menilai cabaran dan cara mengatasi masalah pengukuran kompetensi lisan guru. |

3.6.1.2 Terjemahan

FLOSEM diterjemahkan dengan menggunakan kaedah terjemahan (*back translation*). Terjemahan belakang merupakan proses menterjemahkan dokumen yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa asing kembali ke bahasa asal (sebaik-baiknya oleh penterjemah bebas). Penyelidik menggunakan perkhidmatan ‘*live translate*’ dari www.livetranslate.com, di mana instrumen telah dihantar melalui e-mel kepada pakar penterjemah untuk menterjemah FLOSEM. Perkhidmatan ini dibayar dengan RM0.20 sen sepatah perkataan. Penyelidik meminta perkhidmatan guru pakar bahasa Inggeris

untuk membandingkan instrumen asal untuk mengesahkan penterjemahan belakang dilaksanakan dengan betul. Dengan ini kebolehpercayaan dan kesahan instrumen diperbaiki.

3.7 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji pada 18 Oktober 2013 hingga 22 Oktober 2013. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 20 orang guru bahasa Melayu yang berkhidmat di SJKT yang terletak di Daerah Baling. Tujuan kajian rintis ini dijalankan ialah untuk ; (a) menguji kebolehpercayaan dan meneliti ketekalan alat pengukuran yang digunakan, (b) menentukan jangka masa yang diperlukan oleh responden untuk menjawab soal selidik yang dijalankan, dan (c) memastikan perkataan yang digunakan di dalam soal selidik (FLOSEM) mempunyai maksud yang jelas bersesuaian dengan laras bahasa pengajar. Van, dan Hundley, (2002) menyatakan bahawa tujuan untuk menguji soal selidik adalah untuk menentukan:-

- a) Soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat yang boleh memenuhi objektif kajian.
- b) Semua fasa penting kajian telah dirangkumi
- c) Memastikan soalan-soalan membolehkan kerjasama responden
- d) Soal selidik ditadbir secara lancar.
- e) Soalan difahami sepenuhnya oleh responden dan penemu duga.

Pengkaji menjalankan satu prakajian bersama guru pakar bahasa Melayu Cik.P.Usha dengan menggunakan borang soal selidik (FLOSEM) bersama 20 orang guru bahasa

Melayu yang bekerja di SJKT yang terletak di Daerah Baling untuk memastikan kesahan instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini sebelum kajian yang sebenarnya dijalankan. Kajian rintis menunjukkan kebolehpercayaan instrumen (FLOSEM) Cronbach $\alpha=0.87$. Dengan itu penggunaan borang ini sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar.

3.7.1 Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan instrumen ialah suatu nilai ukuran untuk menentukan ketekalan skor setiap item. Ketekalan bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi skor keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama (Wainer & Braun, 1998). Wiersma (2000) menjelaskan pentafsiran pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima mengikut pengamal penyelidikan dalam sains sosial ialah lebih daripada $\alpha = .60$. Dengan mengugurkan butiran-butiran yang merendahkan pekali tersebut (dalam construct dan indicator item), penyelidik boleh meningkatkan nilai reliabiliti terhadap alat ukur. Mengikut Mohd. Majid Konting (2000) tahap $\alpha = 0.71 - 0.99$ adalah tahap yang terbaik. Fraenkel dan Wallen (1996) meletakkan nilai reliabiliti item yang diterima pada tahap $\alpha = 0.70 - 0.99$. Kubiszyn dan Borich (2000) menentukan nilai $\alpha = .80 - .90$ 'reliability coefficients' yang diterima. Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian rintis untuk melihat nilai pekali kebolehpercayaan. Pekali kebolehpercayaan yang didapati daripada kajian rintis ini ialah *Cronbach alpha* 0.87. Menurut Sekaran (1992), semakin hampir nilai Cronbach alpha kepada 1.0 maka semakin tinggi tahap

kebolehpercayaannya. Nilai alpha yang kurang dari 0.6 dianggap lemah, 0.7 boleh diterima, manakala melebihi 0.8 dianggap baik. Lantaran itu, nilai *Cronbach alpha* instrumen soal selidik kajian ini adalah tinggi dan berada dalam julat yang sesuai dan ketekalan alat pengukuran boleh dipercayai.

Hasil kajian rintis menunjukkan soal selidik yang digubal mudah difahami oleh pengajar serta menepati objektif kajian. Namun demikian, beberapa ayat yang kurang jelas maknanya telah dibaiki bagi memantapkan lagi soal selidik tersebut agar ia lebih senang difahami. Ini menunjukkan FLOSEM sangat sesuai digunakan untuk mengukur tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu yang mengajar bahasa Melayu di SJKT.

Kesahan dan kebolehpercayaan soalan temu bual dibincangkan secara terperinci dalam prosedur kajian kualitatif.

3.8 Prosedur Kajian

Prosedur kajian dapat dijelaskan secara berperingkat-peringkat dari bermula dari kelulusan cadangan kajian sehinggalah analisis data dibuat. Setelah cadangan tesis ini diluluskan oleh Jawatankuasa Ijazah Tinggi, Jabatan Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, pengkaji telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pelajaran negeri Kedah untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian ini.

Kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah Tamil, negeri Kedah telah juga diperoleh dari Pengarah Jabatan Pelajar Negeri Kedah. Setelah itu, pengkaji mengadakan lawatan awal ke sekolah-sekolah terbabit untuk berbincang dengan pihak pentadbir sekolah mengenai prosedur menjalankan kajian termasuklah menentukan masa dan sampel yang terlibat dalam kajian yang akan dijalankan. Lawatan seterusnya dibuat oleh pengkaji ke sekolah-sekolah berkenaan untuk mengedarkan borang soal selidik.

Data kajian telah dikumpulkan melalui dua peringkat, iaitu pertama responden diminta mengisi borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai profil dan tahap kompetensi lisan mereka dalam lima kategori iaitu kefahaman, kefasihan, perbendaharaan kata, sebutan dan tatabahasa secara sendiri. Responden diberi penerangan terlebih dahulu sebelum mereka menjawab soal selidik (FLOSEM). Ianya bagi mengelakkan daripada berlaku keraguan dan salah faham. Masa yang akan diperuntukkan untuk menjawab soalan kaji selidik ialah selama 30 minit.

Pengendalian borang soal selidik kompetensi lisan telah dijalankan oleh pengkaji dan dibantu oleh seorang guru bahasa Melayu di setiap sekolah. Ianya bertujuan bagi mewujudkan suasana yang lebih mesra dan bersahaja responden ketika membuat borang soal selidik kompetensi lisan. Ini kerana mereka sudah pun mengenali guru berkenaan. Pengisian borang soal selidik bagi setiap sekolah yang terlibat dijalankan pada hari yang

berlainan. Proses pemungutan data akan mengambil masa empat hingga lima minggu. Ia bertujuan untuk memberi keselesaan dan keyakinan kepada pengkaji memberi respon terhadap responden.

Peringkat kedua pula, satu sesi temubual diadakan terhadap 5 orang subjek yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan Sekolah Tamil serta bidang Bahasa Melayu di SJKT. Pemilihan mereka ini berdasarkan pensampelan terpilih (*purposive sampling*). Subjek ini dikenal pasti berdasarkan sumbangan yang diberikan oleh mereka terhadap Bahasa Melayu serta jawatan yang disandang oleh mereka.

3.8.1 Perancangan Awal Proses Temu Bual

Proses temu bual secara amnya melibatkan pelbagai aktiviti yang perlu dirancang dengan teliti supaya proses yang terlibat dapat dilaksanakan dengan lancar. Antara aspek yang telah ditekankan oleh pengkaji dalam kajian ini di peringkat perancangan awal proses temu bual termasuklah aspek persendirian, serta memohon dan mendapatkan keizinan untuk menemu bual.

3.8.2 Persediaan untuk Menemu Bual

Terdapat dua aspek penting yang telah diberi perhatian oleh penyelidik dalam kajian ini bagi tujuan pengumpulan data adalah:

(a) Mengenal pasti individu untuk ditemu bual

Berdasarkan kriteria pensampelan yang dibuat di peringkat perancangan dan reka bentuk penyelidikan, penyelidik telah mengenal pasti dengan lebih terperinci individu yang ditemu bual. Bergantung kepada keperluan penyelidikan, antara faktor yang telah diambil kira apabila membuat keputusan tentang sampel yang akan diselidik ialah jawatan yang disandang, latar belakang pendidikan (tahap persekolahan, jenis sekolah, lokasi sekolah, dan sebagainya) serta status responden dalam bidang pendidikan.

Di samping mengenal pasti dan memilih sampel penyelidikan yang memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan, penyelidik juga telah menggunakan khidmat “orang lain” yang lebih arif tentang calon responden untuk ditemu bual. “Orang lain” yang dimaksudkan di sini termasuklah guru besar dan pegawai pendidikan sekolah rendah (kerana subjek yang hendak ditemu bual ialah guru di bawah pengawasan beliau) Khidmat “orang lain” ini telah membantu mengurangkan kebarangkalian pemilihan calon yang “sukar” atau kurang sesuai, yakni yang tidak mahu ataupun tidak mampu bekerjasama dengan penyelidik.

(b) Menyediakan protokol temu bual

Proses penyediaan protokol temu bual telah dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu membina, mengatur dan menguji-rintis soalan temu bual.

(i) Membina soalan temu bual

Semasa membina soalan temu bual, penyelidik telah memastikan maklumat yang diperoleh melalui soalan yang diajukan kepada responden dapat menjawab persoalan penyelidikan. Dalam erti kata lain, penyelidik telah membayangkan bagaimana reaksi serta tindak balas responden apabila disoal, semasa membina soalan di samping menjangka soalan susulan yang boleh dikemukakan secara spontan ketika menemu bual. Ketika membina soalan temu bual, terdapat juga beberapa aspek penting berkaitan bahasa yang telah diberi perhatian kerana elemen ini berkemungkinan akan mempengaruhi pemahaman serta jawapan responden. Antaranya, termasuklah saranan Robson, (2002), di mana soalan temu bual yang dibina seharusnya tidak

- terlalu panjang;
- mengandungi lebih daripada satu makna;
- berbentuk soalan berpandu (leading questions);
- berat sebelah; dan
- mengandungi istilah khas atau perkataan yang tidak difahami responden.

(ii) Mengatur soalan temu bual

Merancang dan menyusun atur protokol temu bual merupakan satu proses penting yang telah menggalakkan respons yang lebih berkesan. Soalan-soalan awalan (ice breaker) telah ditujukan untuk memastikan responden penyelidikan berasa lebih selesa dan hilang rasa takut, malu atau risau. Soalan yang diaju telah dimulai dengan soalan yang mudah dan diikuti dengan soalan yang lebih mencabar, di samping mendalami isu yang sedang diselidik secara beransur-ansur. Soalan-soalan penutup pula telah dirancang supaya responden tahu bahawa temu bual berkenaan telah sampai ke penghujung (a sense of closure).

(iii) Menguji-rintis soalan temu bual

Sebelum menjalankan kajian sebenar penyelidik telah menguji-rintis soalan temu bual. Ini adalah kerana ia merupakan satu langkah yang penting dalam sesuatu kajian:

- penyelidikan rintis telah membantu penyelidik untuk mengenal pasti soalan-soalan yang baik dan kurang baik serta berpeluang untuk memperbaiki soalan, jika wujud keperluan.
- penyelidik telah dapat melatih diri dengan selok-belok dan kemahiran menemu bual supaya kelihatan lebih bersedia ketika temu bual yang sebenar.
- penyelidikan rintis telah memberi peluang kepada penyelidik untuk menganggarkan jangka masa yang diperlukan untuk setiap sesi temu bual.

- memberi peluang kepada penyelidik untuk menyemak semua arahan dan soalan sebelum pengumpulan data yang sebenar dijalankan. Langkah ini telah memastikan bahawa semua soalan jelas dan mudah difahami agar jawapan kepada semua soalan penyelidikan dapat diperolehi.

3.8.3 Memohon dan Mendapatkan Izin untuk Menjalankan Temu Bual

(a) Mendapatkan keizinan untuk menjalankan temu bual di sekolah

Proses mendapatkan keizinan untuk menjalankan temu bual di kawasan sekolah boleh di bahagi kepada tiga fasa.

Fasa pertama melibatkan proses mendapatkan persetujuan secara lisan daripada penjaga utama sekolah, iaitu guru besar sekolah. Langkah ini telah membantu meningkatkan kebarangkalian untuk pihak sekolah membantu penyelidik dalam usaha memperoleh data-data. Semasa perjumpaan awal dengan guru besar, penyelidik telah menerangkan tujuan dan kepentingan penyelidikan serta bagaimana proses pengumpulan data akan dilaksanakan. Setelah mendapat kebenaran secara lisan, penyelidik telah menyenaraikan sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria pensampelan penyelidikan dan seterusnya memohon keizinan melalui saluran formal, iaitu fasa kedua proses mendapatkan keizinan menjalankan temu bual di sekolah.

Fasa kedua melibatkan keizinan untuk menjalankan penyelidikan di sekolah dan penyelidik telah memohon kebenaran daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD). Semasa

permohonan dibuat, penyelidik telah menyertakan kertas cadangan penyelidikan berserta instrumen pengumpulan data, di samping memberikan senarai sekolah yang telah dihubungi terlebih dahulu. Setelah pihak EPRD meluluskan permohonan untuk menjalankan penyelidikan di sekolah, penyelidik telah memohon kebenaran daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Setelah keizinan diberikan oleh pihak-pihak terbabit, penyelidik sekali lagi telah berjumpa dengan guru besar; tujuan untuk menerangkan dan berbincang dengan lebih lanjut berhubung pengumpulan data, terutamanya daripada aspek logistik (seperti siapa yang akan terlibat, bagaimana mereka dipilih, di mana dan bila kutipan data yang sebenar akan dijalankan). Pada fasa ketiga inilah, guru besar telah membenarkan penyelidik berurus terus dengan guru kelas untuk mendapatkan cadangan pemilihan responden yang terpilih dan bila mereka boleh ditemu bual. Surat kelulusan dari JPN telah memudahkan usaha pengumpulan data.

3.8.4 Proses Temu bual

Proses temu bual yang melibatkan pelbagai aktiviti telah dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu fasa sebelum temu bual, semasa temu bual dijalankan, dan setelah temu bual berakhir.

i. Sebelum Temu Bual

Apabila menggunakan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data, aspek paling penting yang telah diberi perhatian oleh penyelidik ialah mengenali dan mendapatkan

kepercayaan peserta penyelidik (individu yang ditemu bual). Bak kata pepatah, tak kenal maka tak cinta. Perumpamaan ini menerangkan dengan tepat hubungan antara penyelidik dan peserta penyelidikan. Jika peserta penyelidikan berasa asing dan kekok apabila berhadapan dengan penyelidik, maka agak sukar bagi penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Antara perkara yang telah dilakukan oleh penyelidik untuk mendapatkan kepercayaan peserta penyelidikan secara tidak langsung adalah dengan keluar minum bersama peserta penyelidikan yang akan ditemu bual untuk beberapa ketika. Secara perlahan-lahan, peserta penyelidikan tidak lagi menganggap penyelidik sebagai “orang asing”.

Selain itu, penyelidik juga telah memberi penekanan kepada aspek sahsiah ketika cuba mengenali dan berhadapan dengan peserta penyelidikan. Penyelidik juga telah mengutamakan ciri ketepatan masa dan juga kesediaan untuk menemu bual dari segi persiapan peralatan atau perkakasan yang diperlukan (seperti buku nota, senarai protokol temu bual, dan alat perakam) yang perlu ada. Persediaan yang dinyatakan telah membantu menonjolkan imej penyelidik sebagai seorang profesional yang mempunyai hala tuju dan minat yang tinggi terhadap usaha temu bual dan penyelidikan tersebut.

Setelah penyelidik dan peserta penyelidikan mengenali antara satu sama lain, penyelidik telah mengambil langkah yang seterusnya, iaitu menjelaskan tujuan penyelidikan serta memaklumkan cara dan sebab subjek dipilih untuk penyelidikan tersebut. Penjelasan ini telah dilakukan untuk memastikan peserta penyelidikan faham akan kepentingan penyelidikan serta peranan mereka.

Selain daripada menjelaskan tujuan penyelidikan dan peranan peserta penyelidikan, penyelidik juga telah menerangkan aspek kerahsiaan dan ketanpa-namaan dalam penyelidikan kepada peserta penyelidikan. Dalam erti kata lain, penyelidik telah meyakinkan peserta penyelidikan bahawa respons serta maklumat yang diberi semasa temu bual kekal rahsia dan tidak akan dikongsi dengan orang lain sebagaimana yang telah digariskan mengikut etika penyelidikan.

Setelah peserta penyelidikan benar-benar jelas dengan keperluan serta kehendak penyelidikan, penyelidik seterusnya telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada mereka. Kebenaran bertulis ini menyatakan dengan terperinci hak peserta penyelidikan; mereka bukan sahaja mengambil bahagian dalam penyelidikan atas kerelaan sendiri tanpa sebarang paksaan, malah boleh menarik diri jika mereka berhasrat untuk berbuat demikian pada bila-bila masa.

Selain daripada mengenali serta menjalin hubungan baik dengan peserta penyelidikan, penyelidik juga pada masa yang sama, telah mencari lokasi yang sesuai, selesa, jauh daripada gangguan orang lain serta sunyi, untuk menjalankan sesi temu bual. Hal ini penting kerana lokasi yang sesuai akan menjamin kualiti maklum balas peserta penyelidikan, baik dari segi jawapan yang lebih berfokus (apabila menjawab soalan yang di ajukan penyelidik), mahupun dari aspek kualiti rakaman temu bual tersebut.

Sebelum temu bual dijalankan, penyelidik telah membina protokol temu bual berdasarkan objektif dan persoalan penyelidikan. Oleh sebab objektif dan persoalan penyelidikan mempengaruhi pilihan kaedah pengumpulan data, maka penyelidik juga telah membuat pertimbangan dari segi bentuk data yang ingin diperolehi (dalam bentuk

audio) dan cara terbaik untuk menyimpan data tersebut (dalam bentuk pita rakaman, cakera liut atau peralatan memori mudah alih) untuk tujuan semakan atau rujukan. Dalam erti kata lain, penyelidik juga telah menetapkan alat perakam Samsung GT-N7000 untuk temu bual yang dijalankan dengan mengambil kira faktor bentuk data yang ingin dipersembahkan ketika menjawab persoalan penyelidikan.

3.8.5 Semasa Temu Bual Dijalankan

Terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberi penekanan oleh penyelidik ketika menjalankan sesi temu bual. Pertama, sebelum temu bual dimulakan dengan rasmi, penyelidik telah mendapatkan kebenaran lisan daripada peserta penyelidikan untuk membolehkan proses temu bual dirakam. Kebenaran lisan ini merupakan sambungan kepada kebenaran bertulis. Semasa mendapatkan kebenaran lisan, penyelidik telah menerangkan kepada peserta penyelidikan berhubung keperluan temu bual atau pemerhatian dirakam. Penerangan tersebut boleh meyakinkan peserta tentang kerahsiaan temu bual dan juga bahawa maklumat yang diperolehi tidak akan disalahgunakan, malah hanya akan digunakan untuk penyelidikan tersebut. Jaminan ini amat penting dan wajib demi menjaga prosedur etika menjalankan penyelidikan.

Sejurus selepas kebenaran diberikan, penyelidik telah memastikan alat rakaman dipasang dan peserta penyelidikan tidak “terganggu” dengan kehadiran alat tersebut. Alat rakaman Samsung GT-N7100 diletakkan di tempat yang tidak menghalang keseluruhan proses temu bual. Dua jenis alat perakam yang digunakan pada masa kini:

(a) Perakam suara digital (Samsung GT-N7100)

Faedah utama penggunaan perakam suara digital Samsung GT-N7000 ialah kemampuannya untuk merakam suara dalam trek berasingan bagi setiap soalan. Kemampuan ini memudahkan proses transkripsi kerana rakaman dapat diulang semula dengan amat cepat berikutan adanya kemudahan pencarian semula trek soalan. Faedah kedua pula ialah rakaman secara digital dapat dipindahkan dengan mudah ke dalam komputer dan kemudian diarkib ke cakera padat yang lebih tahan lasak dan stabil.

Selain daripada mengaju soalan dengan cara yang betul, penemu bual juga telah berada dalam keadaan sensitif dan peka kepada beberapa aspek komunikasi bukan lisan (body language). Secara amnya, komunikasi bukan lisan telah membantu kelancaran temu bual. Gerak geri tubuh badan, mimik/air muka, dan pandangan mata merupakan beberapa komunikasi bukan lisan yang telah menunjukkan sama ada responden berminat atau tidak semasa sesi temu bual.

Selain daripada merakamkan temu bual, penyelidik juga telah mengambil nota kerana sekiranya alat rakaman yang digunakan gagal berfungsi, penyelidik akan masih mempunyai catatannya.

3.8.6 Selepas Temu Bual

Berikut ialah proses yang telah dilakukan oleh penyelidik sejour selepas setiap temu bual:

3.8.6.1 Menyediakan transkripsi

Penyediaan transkripsi telah memakan masa yang agak lama, bergantung kepada kemahiran dan kecekapan menaip perkara yang telah dirakamkan. Transkripsi temu bual telah dibuat dengan terperinci, segala apa yang disebut oleh responden telah ditulis, termasuk bunyi seperti “er”, “ah”, “ahm”, “mmm” dan sebagainya; malah segala perlakuan dan gerak geri, air muka dan tingkah laku responden semasa menjawab soalan telah dicatat juga.

3.8.6.2 Mengurus dan Menganalisis Data

Data kualitatif yang telah dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan perisian berbantuan komputer iaitu Nvivo. Secara peribadi, penulis telah merasakan bahawa perisian ini merupakan yang mudah digunakan di pasaran buat masa ini untuk mengurus dan menganalisis data kualitatif berikutan keupayaan mengurus pelbagai bentuk data, termasuk data yang disimpan dalam fail. doc, docx, jpeg, mpeg, dan rtf. Nvivo mengurus setiap data yang dikumpul dalam ‘*Folder*’ yang boleh dibina khusus untuk setiap jenis data. Perisian ini juga telah menguruskan bahan bacaan literatur yang telah dikumpul di awal penyelidikan, yang seterusnya boleh dianalisis bersama data yang telah dimasukkan ke dalam perisian tersebut. Penyelidik juga telah menyimpan semua

penyelidikan yang dijalankan dalam sesuatu projek dan berkongsi projek tersebut dengan penyelidik-penyelidik lain. Hal ini memudahkan pengurusan sesuatu penyelidikan yang dijalankan secara berkumpulan.

Penyelidik telah menyediakan dokumen transkripsi data dengan betul dan mengimport data tersebut terus ke perisian Nvivo. Data berbentuk audio telah dikendalikan dengan betul sebelum diimport ke Nvivo. Penyelidik telah membina nodes mengikut kerangka teori yang digunakan dan seterusnya memasukan data ke dalam nodes tersebut.

Miles dan Huberman (1994) merujuk kepada proses ini sebagai chunking process yang digunakan untuk mengecilkan jumlah data yang banyak kepada satu jumlah yang lebih kecil dan boleh diurus dengan baik. Mereka juga mencadangkan supaya penyelidik berhati-hati apabila memilih data untuk dimasukkan ke dalam '*nodes*' yang dibina. Pemilihan data atau unit yang perlu dianalisis telah dilakukan dengan menilai makna data (yang tersurat dan tersirat) serta cakupan konteks data tersebut. Bagi memilih data yang sesuai, penyelidik telah melakukan tiga perkara yang berikut:

- (a) Memastikan pendefinisian semua konstruk atau pemboleh ubah yang diselidik adalah tepat dan jelas. Definisi yang digunakan tidak boleh bertindan atau berlapis. Setiap definisi perlu berbentuk mutually exclusive atau membentuk entiti yang terpisah supaya definisi sesuatu pemboleh ubah tidak menerangkan pemboleh ubah yang lain.

- (b) Membaca setiap data berulang kali bagi mendapatkan kefahaman berhubung makna yang terkandung dalam data.
- (c) Meletakkan data ke dalam free node sebelum membuat penyusunan mengikut konstruk yang dibina (contohnya Free node dibina dalam Nvivo bagi membantu penyelidik meletakkan data yang dirasakan penting tetapi tidak dapat dikaitkan dengan mana-mana konstruk sedia ada dalam kerangka konsep atau teori yang digunakan. Seperti mana yang telah dinyatakan, proses ini telah dilakukan dengan berhati-hati agar konteks dan makna yang tersirat dalam setiap data tidak hilang begitu sahaja. Maka, proses ini telah dilakukan sendiri oleh penyelidik kerana hanya penyelidik yang memahami makna tersurat dan tersirat dalam setiap data serta konteks persekitarannya. Selain itu, perisian Nvivo juga telah membolehkan penyelidik menganalisis data kualitatif dengan menggunakan beberapa bentuk pencarian seperti: (a) teks, (b) koding, (c) koding matriks, dan pencarian pelbagai.
- (d) Setiap pencarian ini telah menghasilkan maklumat terperinci tentang fenomena yang diselidik. Pencarian teks dan koding telah sangat berguna kepada penyelidik yang telah mencari jawapan kepada persoalan “bagaimana”, sementara koding matriks pula digunakan apabila penyelidik yang ingin menjawab persoalan “bagaimana” dan “kenapa”.

Contoh:

- (i) “Bagaimana guru-guru Bahasa Melayu dapat mempertingkatkan kompetensi lisan mereka?”

- (ii) “Kenapa guru-guru Bahasa Melayu harus mempertingkatkan kompetensi lisan mereka?”

Pencarian pelbagai pula membolehkan penyelidik dapat menjawab persoalan kenapa dan bagaimana secara serentak. Contoh:

“Kenapa guru-guru Bahasa Melayu harus mempertingkatkan kompetensi lisan dan bagaimana mereka dapat mempertingkatkan kemahiran itu?”

3.8.7 Kriteria Untuk Menilai Kajian Kes Yang Baik

Bagi memastikan penyelidikan yang dilakukan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, penyelidik telah menggunakan alat penyelidikan yang sesuai untuk menjalankan proses pengumpulan data secara sistematik dengan menggunakan reka bentuk yang bertepatan dengan keperluan penyelidikan. Hal ini telah meningkatkan kesahan konstruk, kesahan dalaman, kesahan luaran, dan kebolehpercayaan reka bentuk penyelidikan serta data yang dianalisis. Penyelidik menggunakan alat penyelidikan yang tepat untuk meneliti konstruk yang diselidik bagi mendapatkan kesahan konstruk. Selain itu, penyelidik juga telah mendemonstrasikan hubungan antara beberapa konstruk dan membuktikan kewujudan kaitan antara konstruk untuk menunjukkan bahawa penyelidikan yang telah dijalankan mempunyai kesahan dalaman.


3.9 Triangulasi Data

Bagi memastikan maklumat yang diperoleh dalam penyelidikan kualitatif lebih tepat dan sah dari segi konstruk serta boleh dipercayai, bukti daripada sumber maklumat yang berlainan adalah sangat penting. Maka, maklumat yang diperoleh dari satu sumber telah disahkan dengan merujuk kepada perkara yang sama dari sumber lain. Penyelidik telah menggunakan proses triangulasi ini untuk menentusahkan maklumat yang diperolehi melalui sumber yang berlainan. Contohnya, bagi mengesahkan maklumat tentang kaedah pengajaran guru yang diperoleh daripada guru yang mengajar, penyelidik telah mendapatkan maklumat yang serupa daripada sumber-sumber lain seperti guru kanan mata pelajaran atau daripada dokumen pengajaran yang guru sediakan, atau daripada para pelajar bagi meningkatkan tahap kebolehpercayaan maklumat berkenaan. Begitu juga apabila penyelidik membuat interpretasi terhadap sebarang catatan, telah ada pandangan dan interpretasi kedua bagi menjamin kesahan interpretasi yang dibuat penyelidik.

Data kualitatif merupakan sumber maklumat yang sangat luas, terperinci, dan kaya dengan keakraban maklumat dalam konteksnya. Setelah maklumat dikumpul dengan sempurna, penyelidik berupaya mendapatkan maklumat dalam turutan kronologi, dapat melihat peristiwa-peristiwa yang berhubung kait, yang menjelaskan proses, fenomena, dan mungkin juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi sesuatu kejadian itu.


3.10 Carta Pelaksanaan Kajian

Ringkasnya kajian ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu: (a) Mengenalpasti tahap kompetensi Bahasa Melayu, dan (b) mengenalpasti keperluan pengukuran tahap kompetensi Lisan Guru SJKT dalam Bahasa Melayu serta mengenal pasti cabaran dan cara mengatasi masalah dalam pengukuran tahap kompetensi lisan Guru SJKT dalam Bahasa Melayu . Ini dijelaskan dalam rajah 3.1 berikut.



Rajah 3.1. Dua Peringkat Pelaksanaan Dalam Kajian

Bagi peringkat yang pertama iaitu mengenalpasti tahap kompetensi lisan bahasa Melayu guru SJKT, langkah-langkah dalam rajah 3.2 berikut akan dilaksanakan oleh pengkaji;



Rajah 3.2. Langkah-langkah Peringkat Pertama

Bagi peringkat kedua pula iaitu mengenalpasti keperluan pengukuran tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu serta mengenal pasti cabaran dan cara mengatasi masalah dalam pengukuran tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu, pengkaji akan melaksanakan langkah-langkah rajah 3.3 berikut:-



Rajah 3.3. Langkah-langkah Peringkat Kedua

3.11 Prosedur Analisis Data

Terdapat dua jenis data yang diperoleh melalui 2 jenis instrumen kajian iaitu (a) data kuantitatif yang diperoleh melalui instrumen soal selidik (FLOSEM) dan (b) data kualitatif iaitu soalan temu bual yang diperoleh dalam temu bual yang akan dijalankan terhadap 5 orang responden. Berikut adalah prosedur analisis data bagi data kuantitatif dan data kualitatif.

3.11.1 Prosedur Analisis Data Kuantitatif

Untuk tujuan kajian ini, analisis data berkomputer SPSS For Windows Release 20.0 (*Statistical Package for Social Science*) telah digunakan pengkaji bagi menganalisis data kuantitatif. Analisis statistik deskriptif dalam bentuk (a) min, (b) sisihan piawai telah digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh untuk menjawab persoalan kajian. Secara spesifik dijelaskan seperti berikut;

3.11.1.1 Analisis Peratusan

Kaedah analisis statistik deskriptif ini digunakan untuk menjawab persoalan pertama kajian iaitu mengenal pasti tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu yang mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di SJKT.

Bagi menganalisis korelasi antara hubungan tahap kompetensi lisan responden, penyelidik telah menggunakan sistem pengekodan atau “coding system”. Pengekodan

data perlu dilakukan untuk membolehkan data-data berkenaan diproses dan dianalisis oleh perisian komputer, Mohd Majid Konting (1990). Dalam kajian ini, setiap soal selidik responden telah diberikan kod bermula dari 001 sehingga 105. Kemudian skor yang diperolehi oleh responden dalam ujian kompetensi lisan telah dikorelasikan dengan skor min responden dalam item-item soal selidik mengikut urutan kod 001 sehingga 155 untuk memperoleh nilai r (hubungan).

3.11.2 Prosedur Analisis Data Kualitatif Kajian Kes

Analisis data kualitatif ini telah digunakan oleh pengkaji bagi menerangkan tentang tahap kompetensi lisan responden serta cabaran dan langkah-langkah mengatasi masalah dalam meningkatkan tahap kompetensi Guru SJKT dalam Bahasa Melayu.

3.12 Rumusan

Metodologi kajian ini menekankan aspek kuantitatif dan kualitatif. Kedua-dua komponen ini digunakan untuk mengukuhkan dapatan hasil kajian. Selain membicarakan cara pengendalian kajian, bab ini juga memperincikan cara menganalisis data yang dikutip melalui soal selidik dan temu bual.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Dapatan kajian merupakan bukti dan hasil kajian utama yang akan menjawab persoalan kajian. Analisis data dikendalikan dengan menggunakan perisian SPSS v20 dan Nvivo. Sebagai permulaan data deskriptif seperti jantina, opsyen serta ciri-ciri responden disenaraikan. Antara persoalan utama yang akan dijawab dalam bab ini adalah seperti berikut:

- a) Apakah tahap kompetensi lisan bahasa Melayu guru-guru India SJK Tamil yang sedang mengajar bahasa Melayu daripada aspek pemahaman, kefasihan, perbendaharaan kata, sebutan dan tatabahasa?
- b) Apakah cabaran dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu?
- c) Apakah langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu?

Keputusan kajian dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama menerangkan ciri-ciri responden. Bahagian kedua menerangkan tahap kompetensi lisan bahasa Melayu guru-guru SJKT yang sedang mengajar bahasa Melayu. Bahagian ketiga pula membincangkan tahap kompetensi lisan bahasa Melayu yang diperlukan oleh guru-guru sekolah Tamil di Malaysia daripada aspek kelancaran, pemahaman, tatabahasa, sebutan,

dan perbendaharaan kata. Bahagian keempat iaitu kualitatif pula menerangkan cabaran yang wujud dalam meningkatkan tahap kompetensi lisan bahasa Melayu di SJKT serta langkah-langkah yang dicadangkan para responden.

4.2 Ciri-ciri Responden

Seramai 143 orang guru daripada persekitaran sekolah yang berbeza (bandar dan ladang) terlibat dalam kajian ini menjadikan respons balas kajian ini iaitu 105 orang (72.4%). Daripada 105 orang guru 25 orang (24%) guru siswazah dan 80 orang (76%) guru bukan siswazah.

4.3 Tahap Kompetensi Lisan Bahasa Melayu

Guru-guru diminta untuk menilai sendiri tahap kompetensi bahasa Melayu. Bagi tujuan tersebut alat kajian iaitu skor *Stanford Foreign Language Oral Skills Evaluation Matrix (FLOSEM)* digunakan untuk menterjemah tahap kompetensi lisan bahasa Melayu. Skor *Stanford FLOSEM* mengandungi enam tahap kompetensi lisan dan lima domain iaitu: a) kefahaman, b) kefasihan, c) perbendaharaan kata, d) sebutan dan e) tatabahasa.

Menurut panduan skor *Stanford FLOSEM*, setiap lajur berwajar 5 poin. Purata skor dikira dengan menambah setiap skor lajur dan dibahagi lima. Tahap kompetensi lisan dan skor ditunjukkan di jadual 4.1.

Jadual 4.1

Skor kompetensi lisan bahasa Melayu

| | Julat Skor |
|--|-------------------|
| <i>Produksi Pra/Pre-production</i> | 00-05 |
| <i>Produksi Awal/Early production</i> | 06-10 |
| <i>Kemunculan Pertuturan/Speech Emergence</i> | 11-15 |
| <i>Pertengahan rendah/Low Intermediate</i> | 16-20 |
| <i>Pertengahan tinggi /High Intermediate</i> | 21-25 |
| <i>Pertuturan seperti asli/Native-like speaker</i> | 26-30 |

Jumlah respons berkaitan tahap kompetensi lisan bahasa Melayu diringkaskan secara kategori dan peratus setiap guru ditunjukkan di bawah. Jadual 4.2 menunjukkan respons berkaitan dengan tahap kompetensi lisan yang didapatkan dari 80 orang guru.

Jadual 4.2

Tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu bukan siswazah di SJKT

| | Bilangan guru | Peratus Guru |
|--|---------------|--------------|
| Kemunculan Pertuturan/ <i>Speech Emergence</i> | 10 | 13 |
| Pertengahan rendah/ <i>Low Intermediate</i> | 41 | 51 |
| Pertengahan tinggi / <i>High Intermediate</i> | 23 | 28 |
| Pertuturan seperti asli/ <i>Native-like seaker</i> | 6 | 8 |

Nota: n=80

Jadual di atas dengan jelasnya menunjukkan tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu bukan siswazah berada pada tahap pertengahan rendah (51%) dan pertengahan tinggi (28%). Kedua-dua tahap ini menyumbang (79%). Manakala, tahap kemunculan pertuturan (13%) dan tahap pertuturan seperti asli (8%).

Jumlah respons berkaitan tahap kompetensi lisan 25 orang guru siswazah ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3

Tahap kompetensi lisan guru siswazah

| | Bilangan guru | Peratus Guru |
|---|---------------|--------------|
| Kemunculan Pertuturan/ <i>Speech Emergence</i> | 6 | 25 |
| Pertengahan rendah/ <i>Low Intermediate</i> | 10 | 40 |
| Pertengahan tinggi / <i>High Intermediate</i> | 6 | 25 |
| Pertuturan seperti asli/ <i>Native-like speaker</i> | 3 | 10 |

Nota: n=25

Jadual di atas dengan jelasnya menunjukkan tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu siswazah berada pada tahap pertengahan rendah (40%) dan pertengahan tinggi (25%). Kedua-dua tahap ini menyumbang (65%). Manakala, tahap kemunculan pertuturan (25%) dan tahap pertuturan seperti asli (10%).

4.3.1 Tahap Pemahaman Guru SJKT

Jadual 4.4 menunjukkan sebanyak 105 orang responden memberikan respons untuk pemahaman.

Jadual 4.4

Tahap Pemahaman Guru SJKT

| | Bukan Siswazah | Peratus | Siswazah | Peratus |
|---|-------------------|---------|----------|---------|
| Tahap 1: Saya boleh mengenali bilangan perkataan terhad dan ungkapan perbualan biasa | 0 | 0.0 | 0 | 0 |
| Tahap 2: Saya memahami soalan-soalan yang mudah dan pernyataan dalam dialog yang pendek atau petikan dengan lambat | 5 | 6.3 | 1 | 5.0 |
| Tahap 3: Saya memahami isi utama dalam dialog pendek atau petikan dengan lambat | 35 | 43.7 | 5 | 20.0 |
| Tahap 4: Saya dapat memahami kesemua isi secara normal. | 27 | 33.7 | 13 | 50.0 |
| Tahap 5: Saya dapat memahami hampir kesemua secara normal walaupun beberapa ulangan diperlukan. | 6 | 7.5 | 4 | 15.0 |
| Tahap 6: Saya memahami kesemua secara normal seperti bahasa ibunda (<i>native speaker</i>) | 7 | 8.8 | 2 | 10.0 |

Nota: n=105 (Siswazah =25 dan Bukan Siswazah = 80)

Majoriti guru ($n=80$, 76.2%) memilih tahap 3 atau 4 untuk mewakili tahap kebolehan pemahaman mereka. Tiada seorang pun menilai diri sendiri dengan tahap 1. ($n=6$, 7.6%) memilih tahap 2, ($n=10$, 9.5%) memilih tahap 5 dan ($n=9$, 8.6%) memilih tahap yang ke 6.

4.3.2 Tahap Kefasihan Guru SJKT

Jadual 4.5

Tahap Kefasihan Guru

| | Bukan Siswazah | Peratus | Siswazah | Peratus |
|---|-------------------|---------|----------|---------|
| Tahap 1: Saya hanya boleh menggunakan soalan-soalan pendek dengan jawapan pendek seperti “ Apa Khabar? Khabar Baik, Terima kasih | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 |
| Tahap 2: Saya boleh mengambil bahagian dalam perbualan mudah mengenai topik lambat dan selalunya tergendala. | 1 | 1.3 | 1 | 5.0 |
| Tahap 3: Saya mengajukan diri dengan bahasa yang mudah. Saya selalu berhenti bila mengungkap idea-idea kompleks. | 23 | 28.8 | 10 | 40.0 |
| Tahap 4: Saya mengekspres secara normal. Saya menjadi lambat bila ekspres idea-idea kompleks or kurang ekspresi. | 46 | 57.5 | 9 | 35.0 |
| Tahap 5: Saya secara amnya fasih dan jarang-jarang ada jeda minor bila mencari cara yang betul untuk ekspres. | 7 | 8.7 | 3 | 10.0 |
| Tahap 6: Saya memiliki kefasihan asli. | 3 | 3.7 | 2 | 10.0 |

Nota: n=105 (Siswazah =25 dan Bukan Siswazah = 80)

Majoriti guru ($n=88$, 83.8%) memilih tahap 3 atau 4 untuk mewakili tahap kebolehan kefasihan mereka. Tiada seorang pun menilai diri sendiri dengan tahap 1. ($n=2$, 1.9%) memilih tahap 2, ($n=10$, 9.5%) memilih tahap 5 dan ($n=5$, 4.8%) memilih tahap 6.

4.3.3 Tahap perbendaharaan kata Guru SJKT

Jadual 4.6 menunjukkan respons guru siswazah dan bukan siswazah berkenaan kebolehan mereka menggunakan pelbagai perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu.

Jadual 4.6

Perbendaharaan Kata

| | Bukan Siswazah | Peratus | Siswazah | Peratus |
|---|-------------------|---------|----------|---------|
| Tahap 1: Saya tahu perkataan-perkataan biasa semasa perbualan ekspresi | 1 | 1.3 | 1 | 5.0 |
| Tahap 2: Saya memiliki perbendaharaan kata yang cukup untuk membuat pernyataan ringkas. | 4 | 5.0 | 1 | 5.0 |
| Tahap 3: Saya memiliki perbendaharaan kata yang mencukupi dan beberapa sinonim. | 31 | 38.7 | 6 | 25.0 |
| Tahap 4: Saya memiliki perbendaharaan kata yang cukup dan kaedah alternatif untuk ekspres idea-idea yang mudah. | 26 | 32.5 | 8 | 30.0 |
| Tahap 5: Saya memiliki perbendaharaan kata yang cukup untuk menyertai perbincangan. Saya sedar makna beberapa perkataan. | 17 | 21.3 | 6 | 25.0 |
| Tahap 6: Saya memiliki tahap perbendaharaan kata yang meluas (seperti <i>native</i>) | 1 | 1.3 | 3 | 10.0 |

Nota: n=105 (Siswazah =25 dan Bukan Siswazah = 80)

Berdasarkan Jadual 4.6 didapati, guru siswazah dan bukan siswazah memilih tahap 3 dan tahap 4 ($n=71$, 67.6%). ($n=2$, 1.9%) menilai diri sendiri dengan tahap 1. ($n=5$, 4.8%) memilih tahap 2, ($n=23$, 21.9%) memilih tahap 5 dan ($n=4$, 3.8%) memilih tahap 6.

4.3.4 Tahap Sebutan Guru SJKT

Jadual 4.7 menunjukkan respons-respons dari guru SJKT tentang domain sebutan.

Jadual 4.7

Sebutan Guru-guru SJKT

| | Bukan Siswazah | Peratus | Siswazah | Peratus |
|--|-------------------|---------|----------|---------|
| Tahap 1: Saya menghadapi kesulitan untuk menghasilkan bunyi yang tepat dan bunyi corak bahasa | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Tahap 2: Saya mula masteri beberapa bunyi dan corak bunyi | 2 | 2.5 | 4 | 15 |
| Tahap 3: Saya boleh menghasilkan kebanyakan bunyi dan corak bunyi | 23 | 28.7 | 6 | 25 |
| Tahap 4: Ucapan saya cerdik dan pasti loghat bahasa yang jelas | 45 | 56.2 | 8 | 30 |
| Tahap 5: Sebutan saya dan niat hampir dengan asli (<i>native-like</i>) | 9 | 11.3 | 4 | 15 |
| Tahap 6: Sebutan saya dan intonasi adalah sama seperti penutur asli (<i>native speaker</i>) | 1 | 1.2 | 3 | 10 |

Nota: n=105 (Siswazah =25 dan Bukan Siswazah = 80)

Jadual 4.7 menunjukkan, guru siswazah dan bukan siswazah memilih tahap 3 dan tahap 4 ($n=82$, 78.1%). Tiada seorang pun menilai diri sendiri dengan tahap 1. ($n=6$, 5.7%) memilih tahap 2, ($n=13$, 12.4%) memilih tahap 5 dan ($n=4$, 3.8%) memilih tahap 6.

4.3.5 Tahap Tatabahasa semasa pertuturan

Jadual 4.8 menunjukkan respons bilangan guru bukan siswazah dan siswazah di

SJKT berkaitan domain tatabahasa yang betul semasa bertutur.

Jadual 4.8

Domain Tatabahasa

| | Bukan Siswazah | Peratus | Siswazah | Peratus |
|--|-------------------|---------|----------|---------|
| Tahap 1: Saya menghadapi kesulitan untuk menghasilkan bunyi yang tepat dan bunyi corak bahasa | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Tahap 2: Saya mula masteri beberapa bunyi dan corak bunyi | 4 | 5.0 | 2 | 8.0 |
| Tahap 3: Saya boleh menghasilkan kebanyakan bunyi dan corak bunyi | 25 | 31.3 | 6 | 24.0 |
| Tahap 4: Ucapan saya cerdik dan pasti loghat bahasa yang jelas | 39 | 48.8 | 7 | 28.0 |
| Tahap 5: Sebutan saya dan niat hampir dengan asli (<i>native-like</i>) | 11 | 13.7 | 8 | 32.0 |
| Tahap 6: Sebutan saya dan intonasi adalah sama seperti penutur asli (<i>native speaker</i>) | 1 | 1.3 | 2 | 8.0 |

Nota: n=105 (Siswazah =25 dan Bukan Siswazah = 80)

Berdasarkan jadual di atas, guru siswazah dan bukan siswazah memilih tahap 3 dan tahap 4 ($n=77$, 73.3%). Tiada seorang pun menilai diri sendiri dengan tahap 1. ($n=6$, 5.7%) memilih tahap 2, ($n=19$, 18.1%) memilih tahap 5 dan ($n=3$, 2.9%) memilih tahap 6.

4.4 Apakah cabaran dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu?

Soalan 1

Sejauh manakah peratus kelulusan bahasa Melayu mempengaruhi keputusan keseluruhan UPSR di sekolah anda?

Jadual 4.9

Respon soalan 1

| SAMPEL | RESPON |
|---------------|--|
| A | Peratus kelulusan BM menentukan peratus keseluruhan UPSR |
| B | Peratus kelulusan BM menentukan peratus keseluruhan UPSR |
| C | Peratus kelulusan BM menentukan peratus keseluruhan UPSR |
| D | Peratus kelulusan BM menentukan peratus keseluruhan UPSR |
| E | Peratus kelulusan BM menentukan peratus keseluruhan UPSR |

Jadual 4.10

Rumusan respon soalan 1

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|--|----------------|
| 1 | Peratus kelulusan BM menentukan peratus keseluruhan UPSR | 100% |
| 2 | Respon lain | 0% |

Didapati 100% orang responden berpendapat di mana keputusan bahasa Melayu mempengaruhi keseluruhan keputusan UPSR di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Soalan 2

Bolehkah tuan memberikan pandangan terhadap tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu di sekolah tuan?

Jadual 4.11

Respon soalan 2

| SAMPEL | RESPON |
|---------------|------------------------------------|
| A | Berada pada tahap memuaskan |
| B | Berada pada tahap tidak memuaskan |
| C | Berada pada tahap kurang memuaskan |
| D | Berada pada tahap kurang memuaskan |
| E | Berada pada tahap kurang memuaskan |

Jadual 4.12

Rumusan respon soalan 2

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|------------------------------------|----------------|
| 1 | Berada pada tahap memuaskan | 20% |
| 2 | Berada pada tahap tidak memuaskan | 20% |
| 3 | Berada pada tahap kurang memuaskan | 60% |

Didapati 60% responden berpendapat bahawa kompetensi lisan guru bahasa Melayu di SJKT berada pada tahap kurang memuaskan. Sementara, 20% responden mempercayai kompetensi lisan guru bahasa Melayu di SJKT berada pada tahap tidak memuaskan. Manakala, 20% lagi berpandangan bahawa kompetensi lisan guru bahasa Melayu di SJKT berada pada tahap memuaskan.

Soalan 3

Apakah cabaran-cabaran yang selalunya dihadapi oleh guru bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?

Jadual 4.13

Respon soalan 3

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|--|---------------|
| 1 | Gangguan Bahasa Ibunda | A,B,C,D,E |
| 2 | Kurang minat guru | C,D,E |
| 3 | Malas | A,C,D |
| 4 | Keupayaan guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran | A,B,C,D,E |
| 5 | Perbendaharaan kata murid | A,D,E |
| 6 | Perbendaharaan kata guru | D |
| 7 | Rasa takut murid | E |
| 8 | Guru bukan opsyen | A,B,C,D,E |

Jadual 4.14

Rumusan respon soalan 3

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|--------------------------------|----------------|
| 1 | Gangguan Bahasa Ibunda | 100% |
| 2 | Kurang minat guru | 60% |
| 3 | Malas | 60% |
| 4 | Keupayaan guru menjalankan pdp | 100% |
| 5 | Perbendaharaan kata murid | 60% |
| 6 | Perbendaharaan kata guru | 20% |
| 7 | Rasa takut murid | 20% |
| 8 | Guru bukan opsyen | 100% |

Didapati 100% responden berpendapat bahawa gangguan bahasa ibunda, keupayaan guru yang lemah semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran, dan kelayakan ikhtisas guru bukan opsyen bahasa Melayu merupakan cabaran-cabaran yang selalu dihadapi oleh guru bahasa Melayu di SJK Tamil. Manakala, 60% responden mengatakan masalah perbedaharaan kata murid, sikap murid yang malas untuk belajar bahasa Melayu serta kurang minat murid untuk belajar bahasa Melayu merupakan cabaran-cabaran yang selalu dihadapi oleh guru bahasa Melayu di SJK Tamil. Seterusnya, hanya 20% responden berpandangan murid berasa takut untuk belajar bahasa Melayu dan masalah perbendaharaan kata guru menjadi cabaran pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Soalan 4

Apakah cabaran yang anda hadapi ketika menetapkan guru-guru bahasa Melayu di kelas?

Jadual 4.15

Respon soalan 4

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|--|---------------|
| 1 | Kekurangan guru opsyen | A,B,C,D,E |
| 2 | Guru takut untuk memikul tanggungjawab | A,C,D,E |
| 3 | Kekurangan guru berpengalaman | B,C,D |
| 4 | Membebankan | D,E |

Jadual 4.16

Rumusan respon soalan 4

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|--|----------------|
| 1 | Kekurangan guru opsyen | 100% |
| 2 | Guru takut untuk memikul tanggungjawab | 80% |
| 3 | Kekurangan guru berpengalaman | 60% |
| 4 | Membebankan guru | 40% |

Didapati 100% responden berpendapat bahawa kekurangan guru opsyen bahasa Melayu merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh pihak sekolah semasa menetapkan guru bahasa Melayu di seseuah kelas. Selain itu, 80% responden menyalahkan guru-guru kerana mereka takut untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Manakala, 60% lagi berpendapat kekurangan guru yang berpengalaman merupakan cabaran penempatan guru bahasa Melayu. 40% responden pula menyarankan bahawa guru-guru menganggap pengajaran bahasa Melayu lebih membebankan mereka.

Soalan 5

Berapa ramaikah guru bahasa Melayu mempunyai kelayakan ikhtisas dalam opsyen bahasa Melayu di sekolah anda?

Jadual 4.17

Respon soalan 5

| SAMPEL | RESPON |
|---------------|---------------|
| A | Tiada |
| B | Tiada |
| C | Tiada |
| D | Tiada |
| E | Tiada |

Jadual 4.18

Rumusan respon soalan 5

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|--------------------------------------|----------------|
| 1 | Guru Opsyen bahasa Melayu di sekolah | 0% |

Didapati 100% orang responden mengatakan tiada guru opsyen bahasa Melayu di sekolah masing-masing.

Soalan 6

Menurut pandangan tuan mengapakah keadaan (kekurangan guru opsyen) ini berlaku?

Jadual 4.19

Respon soalan 6

| SAMPEL | RESPON |
|---------------|---|
| A | Bergantung kepada sistem penempatan JPN |
| B | Tiada komen |
| C | Tiada komen |
| D | Keputusan pihak atasan |
| E | Tiada komen |

Jadual 4.20

Rumusan respon soalan 6

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|---|----------------|
| 1 | Bergantung kepada sistem penempatan JPN | 20% |
| 2 | Tiada komen | 60% |
| 3 | Keputusan pihak atasan | 20% |

Didapati 20% responden mengatakan bahawa penempatan guru opsyen bahasa Melayu di SJKT bergantung kepada sistem pemempatan JPN. Manakala, 60% responden tidak mengemukakan pendapat mereka. Hanya 20% lagi mengatakan keadaan ini berlaku akibat daripada keputusan pihak atasan dalam penempatan guru opsyen bahasa Melayu.

Soalan 7

Bagi pendapat anda mengapakah murid-murid SJK(T) mengalami kerumitan dalam pembelajaran bahasa Melayu?

Jadual 4.21

Respon soalan 7

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|--|---------------|
| 1 | Kurang minat | A,B,C,D,E |
| 2 | Ibubapa kurang beri penekanan | A,B |
| 3 | Kekurangan peluang berinteraksi dalam B.M | A,C,D |
| 4 | Guru tidak menarik minat murid untuk belajar | A,B,C,D,E |
| 5 | Mementingkan bahasa Inggeris | B, |
| 6 | Faktor bahasa ibunda | B,C,D,E |

Jadual 4.22

Rumusan respon soalan 7

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|--|----------------|
| 1 | Kurang minat | 100% |
| 2 | Ibubapa kurang beri penekanan | 40% |
| 3 | Kekurangan peluang berinteraksi dalam B.M | 60% |
| 4 | Guru tidak menarik minat murid untuk belajar | 100% |
| 5 | Mementingkan bahasa Inggeris | 20% |
| 6 | Faktor bahasa Ibunda | 80% |

Didapati 100% responden berpendapat bahawa kekurangan minat untuk belajar bahasa Melayu dan faktor guru yang tidak berupaya untuk menarik minat untuk belajar mengakibatkan kerumitan pembelajaran bahasa Melayu dikalangan murid. 80% responden pula berpendapat faktor bahasa ibunda mengakibatkan murid-murid SJK(T)

mengalami kerumitan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, 60% responden menganggap kekurangan peluang berinteraksi dalam bahasa Melayu merupakan punca murid-murid SJK(T) mengalami kerumitan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Di samping itu, 40% responden menyalahkan ibubapa kerana kurang memberi penekanan untuk belajar bahasa Melayu dan 20% lagi mengatakan faktor mementingkan bahasa Inggeris mengakibatkan murid-murid SJK(T) mengalami kerumitan dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Soalan 8

Apakah tanggapan murid sekolah anda tentang pembelajaran bahasa Melayu?

Jadual 4.23

Respon soalan 8

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|-----|-----------------------------|--------|
| 1 | Tidak penting | B,D |
| 2 | Penting tetapi sangat susah | A |
| 3 | Mengelirukan | B,C,E |
| 4 | Sangat mencabar | B,C,E |
| 5 | Membosankan | B,E |
| 6 | Membebankan | B,C,E |

Jadual 4.24

Rumusan respon soalan 8

| BIL | RESPON | PERATUS |
|-----|-----------------------------|---------|
| 1 | Tidak penting | 40% |
| 2 | Penting tetapi sangat susah | 20% |
| 3 | Mengelirukan | 60% |
| 4 | Sangat mencabar | 60% |
| 5 | Membosankan | 40% |
| 6 | Membebankan | 60% |

Didapati 60% responden berpendapat bahawa murid-murid menganggap pembelajaran bahasa Melayu sebagai sesuatu yang mengelirukan, sangat mencabar dan membebankan. Manakala, 40% responden mengatakan bahawa murid-murid menganggap pembelajaran bahasa Melayu tidak penting dan membosankan. Selain itu, 20% lagi bersetuju bahawa murid-murid menganggap pembelajaran bahasa Melayu itu penting tetapi sangat susah.

Soalan 9

Apakah punca tanggapan tersebut (tidak penting, penting tetapi sangat susah, mengelirukan, sangat mencabar, membosankan, membebankan) oleh murid-murid?

Jadual 4.25

Respon soalan 9

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|--|---------------|
| 1 | Faktor bahasa ibunda | A |
| 2 | Ketandusan kecekapan guru | B |
| 3 | PdP yang tidak menarik | C |
| 4 | Peranan guru yang kurang berkesan | D |
| 5 | Keupayaan guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran | E |

Jadual 4.26

Rumusan respon soalan 9

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|----------------------|----------------|
| 1 | Faktor bahasa ibunda | 20% |
| 2 | Faktor Guru | 80% |

Didapati 80% responden bersetuju dengan pendapat di mana faktor guru merupakan punca tanggapan murid (tidak penting, penting tetapi sangat susah, mengelirukan, sangat mencabar, membosankan, membebankan) tentang pembelajaran bahasa Melayu dan 20% lagi mengatakan faktor bahasa ibunda.

4.5 Apakah langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kompetensi lisan guru SJKT dalam bahasa Melayu?

Soalan 1

Apakah langkah-langkah yang selalunya diambil oleh guru bahasa Melayu untuk mengatasi masalah tersebut (masalah pengajaran bahasa Melayu)?

Jadual 4.27

Respon soalan 1

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|-----|--|--------|
| 1 | Aktiviti pengajaran yang menarik minat murid | A,D |
| 2 | Ganjaran | A |
| 3 | Guru memperbaiki kebolehan diri | B,C,E |

Jadual 4.28

Rumusan respon Soalan 1

| BIL | RESPON | PERATUS |
|-----|--|---------|
| 1 | Aktiviti pengajaran yang menarik minat murid | 40% |
| 2 | Ganjaran | 20% |
| 3 | Guru memperbaiki kebolehan diri | 60% |

Didapati 60% responden berpendapat bahawa guru sentiasa berusaha untuk memperbaiki kebolehan diri. 40% responden pula mengatakan guru mengamalkan aktiviti pengajaran yang dapat menarik minat murid. Manakala, 20% responden menganggap guru mengamalkan pemberian ganjaran.

Soalan 2

Apakah langkah-langkah yang anda cadangkan untuk mempertingkatkan kompetensi lisan guru bahasa Melayu di SJKT?

Jadual 4.29

Respon soalan 2

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|---|---------------|
| 1 | Ujian pengukuran bahasa Melayu diadakan (MUMLT) | A,B,C |
| 2 | Kursus dan latihan guru yang berterusan | A,B,C,D,E |
| 3 | Pemantauan lengkap (PKB) | A,B,D,E |
| 4 | Guru mengambil inisiatif tentang pengajaran bahasa Melayu | A |
| 5 | Berusaha menarik minat murid | A |
| 6 | Instrumen pengukuran kompetensi lisan guru | A,B,C,D,E |

Jadual 4.30

Rumusan respon soalan 2

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|---|----------------|
| 1 | Ujian pengukuran bahasa Melayu diadakan (MUMLT) | 60% |
| 2 | Kursus dan latihan guru yang berterusan | 100% |
| 3 | Pemantauan lengkap (PKB) | 80% |
| 4 | Guru mengambil inisiatif tentang pengajaran bahasa Melayu | 20% |
| 5 | Berusaha menarik minat murid | 20% |
| 6 | Instrumen pengukuran kompetensi lisan guru | 100% |

Didapati 100% orang responden mengatakan bahawa kursus dan latihan guru yang berterusan wajib dijalankan serta sebuah kerangka atau instrumen pengukuran kompetensi lisan harus dibentuk. Manakala, 80% orang responden berpendapat pemantauan lengkap (PKB) harus dilaksanakan. 60% orang responden lagi berpendapat bahawa Ujian pengukuran bahasa Melayu (MUMLT) harus diperkenalkan. Akhir sekali, 20% responden pula mengatakan guru harus mengambil inisiatif tentang pengajaran bahasa Melayu dan mengamalkan aktiviti pengajaran yang dapat menarik minat murid untuk belajar bahasa Melayu.

Soalan 3

Apakah kepentingan guru bahasa Melayu untuk mempertingkatkan tahap kompetensi lisan mereka?

Jadual 4.31 *Respon soalan 3*

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|-----|--|-----------|
| 1 | Guru merupakan penyampai maklumat kepada murid | A,B,C,D,E |
| 2 | Melicinkan proses pdp | A,B,C,D,E |
| 3 | Mencapai objektif pdp | A,B,C,D,E |

Jadual 4.32 *Rumusan respon soalan 3*

| BIL | RESPON | PERATUS |
|-----|--|---------|
| 1 | Guru merupakan penyampai maklumat kepada murid | 100% |
| 2 | Melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran | 100% |
| 3 | Mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran | 100% |

Didapati 100% responden berpendapat bahawa guru harus mempertingkatkan tahap kompetensi lisan kerana mereka merupakan penyampai maklumat kepada anak didik, dapat melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Soalan 4

Apakah projek yang dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan kompetensi guru bahasa Melayu?

Jadual 4.33 *Respon soalan 4*

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|---|---------------|
| 1 | Bantuan SISC (Pegawai pembimbing PPD) | A |
| 2 | Galakan budaya membaca di kalangan guru | C |
| 3 | Kursus dan latihan | A,B,C,D,E |
| 4 | Program motivasi | A,B,C,D,E |

Jadual 4.34

Rumusan respon soalan 4

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|--|----------------|
| 1 | Bantuan SISC (Pegawai pembimbing dari PPD) | 20% |
| 2 | Galakan budaya membaca di kalangan guru | 20% |
| 3 | Kursus dan latihan | 100% |
| 4 | Program motivasi | 100% |

Didapati 100% responden berpendapat bahawa guru harus diberi kursus dan latihan serta program motivasi. Manakala 20% responden pula mengatakan guru wajib

mengamalkan budaya membaca serta dibantu oleh SISC bagi mempertingkatkan kompetensi mereka.

Soalan 5

Sejauh manakah projek-projek tersebut memberi kesan kepada peningkatan kompetensi guru bahasa Melayu?

Jadual 4.35

Respon soalan 5

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|--|---------------|
| 1 | Terdapat peningkatan dalam kadar yang rendah | A,B,C,D,E |

Jadual 4.36

Rumusan respon soalan 5

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|--|----------------|
| 1 | Terdapat peningkatan dalam kadar yang rendah | 100% |

Didapati 100% responden berpendapat bahawa projek-projek yang dijalankan hanya memberikan peningkatan kompetensi guru bahasa Melayu yang sangat rendah dan peningkatan tersebut tidak mencukupi.

Soalan 6

Pada pendapat anda apakah rahsia pencapaian murid yang pandai bertutur bahasa Melayu?

Jadual 4.37

Respon soalan 6

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|---|---------------|
| 1 | Ibubapa menyedari kepentingan bahasa Melayu | A,B,C,D,E |
| 2 | Sikap murid sendiri | A,E |
| 3 | Komitmen guru yang tinggi | A,B,C,D,E |
| 4 | Tempat kediaman dikelilingi kaum lain | C,E |

Jadual 4.38

Rumusan respon soalan 6

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|---|----------------|
| 1 | Ibubapa menyedari kepentingan bahasa Melayu | 100% |
| 2 | Sikap murid sendiri | 40% |
| 3 | Komitmen guru yang tinggi | 100% |
| 4 | Tempat kediaman dikelilingi kaum lain | 40% |

Didapati 100% responden berpendapat bahawa komitmen guru yang tinggi dan kesedaran ibubapa tentang kepentingan bahasa Melayu merupakan rahsia pencapaian murid yang pandai bertutur bahasa Melayu. Manakala 40% responden pula mengatakan sikap murid itu sendiri dan tempat kediaman yang dikelilingi kaum lain membantu murid mencapai kecemerlangan dalam bahasa Melayu.

Soalan 7

Menurut pandangan anda bagaimanakah seseorang guru dapat melahirkan rasa cinta terhadap bahasa Melayu dikalangan murid?

Jadual 4.39

Respon soalan 7

| BIL | RESPON | SAMPEL |
|------------|---|---------------|
| 1 | Teknik pengajaran yang menarik | A,C |
| 2 | Mempertingkatkan kebolehan diri /kompetensi | A,B,C,D,E |
| 3 | Komitmen guru yang tinggi | B,C |

Jadual 4.40

Rumusan respon soalan 7

| BIL | RESPON | PERATUS |
|------------|--|----------------|
| 1 | Teknik pengajaran yang menarik | 40% |
| 2 | Mempertingkatkan kebolehan diri / kompetensi | 100% |
| 3 | Komitmen guru yang tinggi | 40% |

Didapati 100% responden berpendapat bahawa seseorang guru dapat melahirkan rasa cinta terhadap bahasa Melayu dikalangan murid dengan mempertingkatkan kompetensi diri. Manakala, 40% responden pula menyarankan bahawa teknik pengajaran yang menarik dan komitmen guru yang tinggi juga dapat membantu melahirkan rasa cinta terhadap bahasa Melayu dikalangan murid.

4.6 Rumusan

Secara keseluruhannya, Bab 4 ini telah memaparkan dapatan analisis kajian terhadap tahap kompetensi lisan bahasa Melayu, cabaran-cabaran serta langkah-langkah untuk mempertingkatkan tahap kompetensi lisan guru-guru India SJK Tamil yang mengajar bahasa Melayu. Dapatan dan analisa ini memberikan petunjuk bahawa kompetensi lisan bahasa Melayu guru-guru India SJK Tamil yang mengajar bahasa Melayu berada pada tahap sederhana.

BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, kesimpulan secara terperinci telah dibuat berdasarkan data-data kuantitatif dan kualitatif yang telah dianalisis dalam bab 4. Beberapa cadangan juga disertakan sebagai tambahan kepada kajian ini pada masa yang akan datang supaya lebih berkesan dan menyeluruh.

5.2 Ringkasan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kompetensi lisan guru bahasa Melayu India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua (B2) di SKJT sangat unik. Kajian ini berlainan daripada kajian-kajian lain kerana ia berpusatkan guru. Ia telah meninjau teori, kajian literatur dan metodologi berkaitan dengan pemerolehan B2 serta menjustifikasikan keperluan alat ukur kompetensi lisan B2 yang mantap untuk guru-guru India yang sedang mengajar bahasa Melayu sebagai B2.

Daripada tinjauan awal penyelidik mendapati tema kajian B2 para pengkaji sebelum ini, lebih berpusatkan kepada pelajar. Hanya kajian Jean, (1991) membincangkan keperluan alat pengukuran kompetensi komunikasi lisan B2 yang mantap bagi pensijilan guru. Walau bagaimanapun perbincangan Jean, adalah luar skop kajian ini kerana kajian ini bukannya berkaitan pensijilan guru. Para pengkaji di Malaysia pula didapati lebih

menjuruskan kajian mereka ke arah proses pengajaran dan pembelajaran B2 pelajar berbanding guru (Koeperun Devi, 1992; Mohd Fairol, 1995; Narayanan, 1993; Suthanthiradevi, 1996). Penyelidik mendapati hampir tiada kajian yang bertemakan kompetensi lisan guru B2 khususnya yang berkaitan dengan SJKT.

Pada akhir perbincangan kajian, Koeperun Devi (1992) mengutarakan satu persoalan penting. Persoalannya ialah adakah semua warga pendidik yang mengajar bahasa Melayu sebagai B2 di SJKT mempunyai kompetensi lisan yang harus dimiliki oleh seseorang guru untuk berhadapan dengan murid. Penyelidik juga mendapati wujudnya lompang kajian iaitu kemampuan dan kebolehan guru sebagai penyampai B2 dalam bilik darjah belum lagi dikaji sama ada di peringkat IPG ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya di SJKT.

Selain itu penyelidik juga mendapati alat ukur yang sedia ada tidak mengukur tahap kompetensi lisan B2 guru malah lebih kepada pengukuran tahap kompetensi lisan B2 pelajar (FLOSEM, 1999). Dengan itu kajian ini mengisi lompang yang telah wujud sekian lama dengan mereka bentuk ‘penanda aras’ untuk mengukur ‘Tahap Kompetensi Lisan Guru Bahasa Melayu di SJKT’. Audiens yang akan bermanfaat daripada hasil kajian ini terdiri dari kumpulan profesional iaitu guru, pentadbir sekolah, ibu bapa, penggubal dasar pendidikan dan juga para peserta kajian.

5.3 Perbincangan Kajian (Kuatitatif)

Apakah tahap kompetensi lisan bahasa Melayu guru-guru India SJK Tamil yang sedang mengajar bahasa Melayu daripada aspek pemahaman, kefasihan, perbendaharaan kata, sebutan dan tatabahasa?

Berdasarkan dapatan *Stanford FLOSEM (Foreign Language Oral Skills Evaluation Matrix)* dibuktikan bahawa kompetensi lisan majoriti guru berada pada tahap pertengahan sahaja. Pengajaran atau penyampaian B2 merupakan satu proses yang sangat unik. Proses penyampaian B2 memerlukan tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi kerana terdapat perbezaan yang besar antara memperoleh bahasa pertama dan mempelajari bahasa kedua. Kanak-kanak hanya perlu didedahkan kepada bahasa dan mereka akan pandai menguasai bahasa pertama dengan sendirinya. Tetapi, pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di SJKT memerlukan tenaga pengajar dan kaedah pengajaran yang luar biasa. Namun demikian pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di SJKT masih belum menghasilkan kejayaan yang dijangkakan. Walau bagaimanapun, dengan kajian yang telah dijalankan dapat dibuktikan bahawa penguasaan bahasa Melayu kebanyakan guru B2 yang mengajar di SJKT berada pada tahap yang kurang memuaskan dan ia merupakan satu cabaran yang sangat serius dalam perkembangan bahasa Melayu dikalangan murid-murid.

Guru yang mengajar bahasa kedua perlulah mempunyai pengetahuan yang menyeluruh untuk merancang serta menjalankan latihan yang sistematik, sesuai dan mencukupi supaya pelajar-pelajar bahasa kedua dapat membiasakan diri dengan bahasa yang baru. Mackey, (1965) mencadangkan latihan pola bahasa pada peringkat morfosintaksis untuk

guru-guru bahasa kedua. Guru-guru bahasa kedua juga harus mengetahui jenis-jenis latihan dan kegunaannya serta pandai memilih dan menggunakannya untuk memudahkan pembelajaran. Guru haruslah memberi motivasi pada pelajar-pelajarnya untuk memudahkan proses pembelajaran bahasa kedua.

Carroll, (1973) pula menyarankan guru bahasa kedua perlu mempunyai kemahiran yang tinggi bagi menggerakkan pelajaranya dengan mengeksploitasikan keperluan yang sedia ada pada pelajar tersebut dan menimbulkan keperluan baru. Guru bahasa kedua juga perlu mengetahui bezantara struktur bahasa ibunda dan bahasa kedua supaya bila berlaku ‘gangguan’ atau kesulitan, guru dapat mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Mackey, (1965) pula mengatakan bahawa keinginan untuk belajar sesuatu bahasa kedua akan menentukan kadar usahanya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab seseorang guru bahasa untuk menggerakkan keperluan pelajaranya. Beliau juga mencadangkan supaya guru bahasa kedua memperolehi bakat dalam menyediakan satu situasi di mana pelajar bahasa kedua akan memerlukan bahasa itu dan ia dapat dilaksanakan dengan cemerlang oleh seseorang guru B2 yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang tugasnya.

Forster, (1965) pula mencadangkan supaya guru mempunyai kemahiran untuk melakukan analisa linguistik konstrastif untuk membandingkan bahasa ibunda dan bahasa kedua serta mengenal pasti daerah bahasa itu. Ini akan membantu guru untuk menyampaikan pelajarannya dengan berkesan.

Kajian-kajian seperti yang dijalankan oleh Douglas (1964), Rosenthal dan Jacobson (1968) telah menunjukkan dengan jelas kaitan antara jangkaan dan kebolehan guru dengan perlakuan murid. Seorang kanak-kanak kurang beruntung yang dihantar ke sebuah sekolah tersekat untuk diajar oleh guru-guru tersekat, maka masa depan pendidikan kanak-kanak berkenaan adalah amat gelap.

Menurut Atan Long (1988), “salah satu sifat penting yang perlu ada pada seseorang guru ialah menimbulkan minat pelajar terhadap pengajarannya”. Manakala Crow, (1980) menyatakan “guru sepatutnya berupaya membimbing pelajarnya untuk belajar, membantu pelajar membina sikap yang positif, memperbaiki teknik mengajar dan memperbaiki diri terhadap mutu pengajaran mereka.”

Perubahan demi perubahan yang berlaku setiap hari dalam bidang teknologi maklumat telah banyak memberikan impak dalam sistem pendidikan negara. Perkembangan ilmu yang begitu pantas ini juga telah mencetuskan pelbagai cabaran semasa melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dalam era globalisasi, tanggapan orang bandar yang lebih mementingkan bahasa Inggeris merupakan cabaran utama dalam pembelajaran bahasa Melayu di SJKT. Tugas guru bahasa Melayu SJKT semakin hari semakin tercabar dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengajar B2. Kini golongan guru bahasa Melayu berhadapan dengan satu lagi cabaran serius di mana harus mengatur strategi yang bernas untuk menanamkan keyakinan dikalangan masyarakat terhadap bahasa Melayu. Justeru, sebagai langkah penting guru-guru SJKT harus memiliki unsur-unsur cemerlang

seperti, kompetensi yang baik, kreatif dan inovatif bagi mengubahsui pendekatan yang lebih efektif semasa berhapan dengan murid untuk menjamin kecemerlangan mereka dalam pemerolehan bahasa kedua.

Demi menjamin pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang berkesan pendekatan yang lebih sesuai wajib diperkenalkan oleh warga pendidik supaya dapat menarik minat pelajar untuk belajar bahasa Melayu. Pembaharuan yang menyeluruh harus dilaksanakan dalam teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran dengan meliputi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Sebagai langkah untuk merealisasikan pembaharuan dalam pengajaran bahasa Melayu setiap orang guru bahasa Melayu harus menguasai ilmu bahasa Melayu secara menyeluruh supaya dapat memindahkannya kepada pelajar dengan betul dan tepat. Selain itu, guru juga dapat menghadapi serta mengharungi cabaran-cabaran yang dihadapi untuk mengajar bahasa Melayu dan juga menjadi modal ataupun pakar rujuk kepada rakan-rakan seperjuangan lain yang memerlukan tunjuk ajar, dorongan mahupun semangat untuk terus memberikan perkhidmatan.

5.4 Perbincangan Kajian (Kualitatif)

,

5.4.1 Penemuan Positif Cabaran Dalam Usaha Meningkatkan Tahap

Kompetensi Lisan Guru SJKT dalam Bahasa Melayu

Menurut keputusan analisa data dalam Bab 4 didapati bahawa guru-guru bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil telah menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam usaha mempertingkatkan kompetensi lisan mereka.

Mengikut responden, guru-guru bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kebanyakannya bukan opsyen bahasa Melayu. Kebanyakan, mereka mempunyai kelayakan ikhtisas dalam jurusan lain seperti Pengajian Tamil dan mata pelajaran lain yang diajar dalam bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Daripada jumlah 143 orang guru Bahasa Melayu, hanya 4 orang guru bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Kulim dan Kuala Muda mempunyai kelayakan ikhtisas dalam opsyen bahasa Melayu. 139 orang guru bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Kulim dan Kuala Muda tidak mempunyai kelayakan ikhtisas dalam opsyen bahasa Melayu (Sumber JPN Kedah, 2014).

Menurut pandangan kesemua orang responden, kekurangan guru opsyen bahasa Melayu ini menjadi satu masalah dalam mutu pengajaran bahasa Melayu di kebanyakan sekolah. Oleh yang demikian, guru besar terpaksa menetapkan

guru-guru bukan opsyen bahasa Melayu yang tidak mempunyai kebolehan dan kemahiran patut dimiliki oleh guru bahasa Melayu untuk mengajar bahasa Melayu. Guru-guru bukan opsyen terpaksa memikul tugas berat yang merupakan bidang terjun kepada mereka. Pengajaran bahasa Melayu pula menjadi kurang efektif akibat daripada penguasaan bahasa Melayu oleh guru bukan opsyen bahasa Melayu. Apabila perkara ini berlaku setiap sekolah menghadapi masalah dalam membentuk pelajar yang mempunyai penguasaan bahasa yang tinggi.

Penemuan ini selari dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Danapal Rengasamy (2007), beliau menyatakan bahawa “SJK Tamil menunjukkan kualiti pencapaian yang kurang baik dalam bahasa Melayu berbanding dengan sekolah-sekolah rendah yang lain di negara ini sedangkan semua sekolah menggunakan sistem pendidikan dan kurikulum yang sama”. Selain daripada itu, SJK Tamil juga menghadapi masalah kekurangan guru terlatih dalam bidang tertentu. Oleh yang demikian, guru-guru bukan opsyen dan sandaran dilantik untuk mengisi kekosongan tersebut. Guru-guru ini tidak mempunyai pengalaman dalam proses pengajaran bahasa Melayu dan matapelajaran teras yang lain.

Menurut kajian yang dijalankan oleh My Nadi (2010), 1000 orang guru sandaran diperlukan untuk menampung kekurangan guru di SJK Tamil di Malaysia. Keadaan seperti ini tidak berupaya menyediakan keadaan yang kondusif untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan tersalah bimbing murid-

murid untuk mengabaikan pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Selain daripada itu, hampir 85% guru di sekolah Tamil yang mengajar Bahasa Melayu bukan dilatih dalam bidang bahasa Melayu (Laporan BPG, 2005). Mereka pernah berdaftar bahasa Melayu sebagai salah satu subjek ataupun sebagai minor. Mereka yang mengajar di sekolah Tamil berkemungkinan besar memiliki tahap kompetensi komunikasi lisan yang amat rendah. Ini dapat dilihat dalam keputusan pencapaian pelajar dalam peperiksaan UPSR selalunya lebih rendah berbanding Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Kengsaan Cina (Laporan UPSR 2003-2013).

Ini dipersetujui dalam teori behaviorisme yang mengatakan " bayi mempelajari bahasa lisan daripada model main peranan (*role model*) manusia lain melalui proses yang melibatkan tiruan. Kanak-kanak mencuba belajar bahasa lisan atau meniru bunyi atau corak ucapan semasa penyampai menyampaikan maklumat. Oleh itu, seseorang guru bahasa kedua harus menjadi 'role model' kepada anak didik mereka dengan memiliki kompetensi lisan yang baik ketika berhadapan dengan murid supaya pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik seperti yang telah dirancang.

Di samping itu, kesemua orang responden lagi berpendapat bahawa gangguan bahasa ibunda juga merupakan cabaran utama dalam usaha mempertingkatkan kompetensi lisan guru. Berdasarkan data-data yang diperolehi, terbukti bahawa

unsur-unsur linguistik bahasa ibunda memang mempengaruhi penyampaian bahasa Melayu oleh guru-guru India dalam peratusan yang berbeza-beza. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa unsur-unsur linguistik bahasa ibunda memang terdapat di dalam pertuturan percampuran kod bahasa Melayu-bahasa Tamil di kalangan guru-guru India. Responden juga menyarankan bahawa guru-guru sering menggunakan bahasa ibunda semasa menerangkan makna perkataan bahasa Melayu yang baru dan ini menunjukkan kurang keupayaan guru bahasa Melayu dalam penyampaian maklumat kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Melayu.

Penemuan ini juga sejajar dengan hasil kajian pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu murid-murid India (Suthanthiradevi, 1996). Kajian ini dijalankan di Pekan Buntung, Perak. Seramai 180 orang murid dari SJKT Sungai Pari dan SJKT Methodist terlibat dalam kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa proses penggantian fonem vokal bahasa Melayu dalam aspek leksikal paling banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Dalam aspek ayat pengaruh tersebut diwakili melalui binaan ayat penyata. Pengaruh seperti pemindahan bahasa ibunda paling ketara dalam aspek kata dasar yang menerima pengaruh bunyi vokal dan konsonan bahasa Tamil.

Tambahan lagi, pemerhatian ke atas aspek pertuturan bahasa Melayu murid-murid membuktikan bahasa memanjangkan bunyi vokal dalam kata pinjaman kerap terdapat pada kata dasar. Di samping itu, fenomena percampuran kod bahasa Melayu-Tamil terutama yang terdiri daripada jenis ayat penyata turut

dikesan. Dalam proses pembelajaran secara tidak formal tinjauan menunjukkan unsur linguistik tambahan (*extra linguistic*) bahasa ibunda yang paling dominan. Penyelidik merumuskan bahawa sikap terhadap bahasa ibunda sangat kukuh menyebabkan penguasaan bahasa Melayu menjadi terhad. Walaupun begitu, kajian ini hanya berfokuskan kepada murid-murid sahaja dan bukannya guru. Harus diingati bahawa guru-guru yang sedang mengajar di SJKT pernah melalui proses PdP yang sama sebelum menjadi guru bahasa Melayu di SJKT. Ringkasnya, pengajar sendiri perlu berubah demi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid India.

Penemuan ini juga dipersetujui dalam teori bahasa kedua Krashen. Menurut Stephen, (1982) pemerolehan bahasa merupakan proses yang natural, manakala pembelajaran bahasa merupakan proses yang dilakukan secara sedar. Dalam pembelajaran bahasa pertama, penutur mengambil bahagian dalam perbualan natural. Sebaliknya, dalam pembelajaran bahasa kedua akan berlaku pembetulan kesalahan sebagai satu cara mempelajari peraturan tatabahasa bahasa tersebut, di samping sedikit sebanyak pengaruh daripada bahasa pertama.

Seterusnya, berdasarkan kepada pemahaman responden, keupayaan guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran juga merupakan cabaran utama dalam usaha mempertingkatkan kompetensi lisan guru. Guru-guru tidak mempunyai pengetahuan atau pun peluang untuk mengukur kompetensi diri dan

menganggap apa yang diajar oleh mereka adalah betul. Berdasarkan data-data yang diperolehi, terbukti bahawa kesemua orang responden berpendapat bahawa guru B2 biasanya memberikan latihan yang agak banyak dengan alasan penggandaan latihan dapat meningkatkan prestasi murid tanpa mengamalkan penilaian pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran. Apabila pencapaian murid tidak ukur maka kelemahan mereka juga tidak dapat diketahui serta aktiviti pengukuhan tidak dapat dilaksanakan oleh guru. Dengan ini, guru juga tidak mempunyai peluang untuk mengukur mutu pengajaran dan keupayaan sebenar diri mereka.

Penemuan ini juga sama dengan kajian yang dijalankan oleh Koeperun Devi Samu (1992). Dalam kajian beliau telah mengutarakan pendapat bahawa kebanyakan guru kurang cekap dalam menjalankan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Guru-guru hanya mengutamakan pemberian latihan yang banyak dan sentiasa mengejar sukatan pelajaran. Keadaan ini melahirkan rasa bosan dan benci untuk menuntut ilmu B2 dalam kalangan murid. Guru-guru tidak memberikan penekanan untuk mengenal pasti masalah murid dalam pembelajaran bahasa kedua iaitu bahasa Melayu. Menurut beliau, guru bahasa kedua mestilah bersedia untuk menghadapi murid dengan meningkatkan tahap kebolehan diri iaitu dalam penyampaian pengajaran, memahami kebolehan dan kelemahan murid. Adalah wajar kalau dikatakan bahawa guru merupakan satu faktor penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Kecekapan, kebolehan dan pengalaman yang ada pada seseorang guru merupakan unsur-unsur yang akan

menentukan peranan guru. Masalah-masalah pembelajaran bahasa kedua akan dapat dikurangkan sekiranya guru bahasa kedua mempunyai penyampaian ilmu yang menarik dan pendekatan yang sesuai. Guru bahasa kedua seharusnya berusaha mempertingkatkan kualiti serta keupayaan diri untuk mengkaji masalah-masalah pembelajaran bahasa yang dihadapi oleh murid-muridnya dan seterusnya mencari jalan penyelesaian baginya.

Perolehan ini dipersetujui dalam Teori Pembelajaran Bahasa Kedua. Luna dan John, (2013) mencadangkan model baru dalam pemerolehan bahasa kedua iaitu Complex Adaptive System Principles (CASP). Mereka merumuskan kajian mereka dengan mencadangkan sebuah model pemerolehan B2. Model mereka merupakan hasil daripada isu-isu tertentu dalam pemerolehan B2; pertama pemerolehan bahasa, pemprosesan bahasa, tipologi dan kerumitan. Antara prinsip-prinsip model ini ialah :

i) Meminimumkan Usaha Belajar (Minimize Learning Effort)

Pelajar bahasa kedua (B2) lebih suka untuk meminimumkan usaha pembelajaran apabila mereka belajar ciri-ciri tatabahasa dan leksikal daripada B2. Usaha pembelajaran dapat dikurangkan dalam beberapa cara. Ia dapat dikurangkan apabila ciri-ciri tatabahasa dan leksikal yang dikongsi antara B1 dan B2 boleh dipindahkan terus ke dalam B2, dan mengeksploitasi pengetahuan yang sedia ada dari B1. Ia dapat dikurangkan apabila ciri-ciri B2 sering berlaku dalam input

B2, yang meningkatkan pendedahan mereka dan dengan itu, memudahkan pembelajaran.

ii) Meminimumkan Usaha Memproses (*Minimize Processing Effort*)

Pelajar bahasa kedua (B2) lebih suka untuk meminimumkan usaha pemrosesan apabila mereka menggunakan ciri-ciri tatabahasa dan leksikal daripada B2, seperti perlakuan penutur asli. Walaupun ciri-ciri yang lebih kompleks telah dipelajari di peringkat perolehan, pelajar B2 masih lebih suka untuk menggunakan ciri-ciri mudah, seperti penutur asli lakukan.

Walau bagaimanapun, model CASP ini belum mengambil kira prinsip-prinsip seperti sosial dan pedagogi. Penyelidik mencadangkan menggunakan simulasi komputer untuk mengkaji kemungkinan dan ketidakmungkinan laluan B1 ke B2 berdasarkan cadangan simulasi Kirby, (1999).

Mirela, (2002) telah menyiasat kesan sikap terhadap pergeseran (*attrition*) B1 dan pemerolehan B2 berdasarkan teori sistem dinamik. Menurut beliau faktor 'sikap' umumnya dianggap paling berpengaruh terhadap pergeseran bahasa pertama (B1). Walau bagaimanapun, pengesahan empirikal telah membuktikan sukar untuk mengesahkannya. Walaupun, terdapat kajian tidak dapat mencari pautan yang jelas antara sikap dan B1 pergeseran (Hulsen, 2000; Yagmur, 1997) kajian lain menunjukkan bahawa sikap yang dijana daripada peristiwa-peristiwa hidup yang luar biasa mempengaruhi pergeseran (Schmid, 2002). Kajian Mirela meneroka kesan sikap melalui soal selidik dan temu bual - pada pergeseran B1

dan penguasaan bahasa kedua B2. Analisis kuantitatif mendedahkan keputusan sebahagiannya signifikan sekali gus mencadangkan bahawa faktor sikap akan mempunyai kesan yang terhad terhadap pergeseran B1. Sebaliknya, analisis kualitatif individu mendedahkan hubungan penting antara sikap dan profil kemahiran bahasa imigran. Beliau mendapati hubungan antara sikap dan pergeseran bahasa B1 tidak linear. Kajian sesuai dengan konteks kajian ini sebab bangsa India adalah kaum imigran dan mereka belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di Malaysia. Kesan sikap terhadap pergeseran bahasa Tamil sebagai B1 dengan pemerolehan B2 perlu dilihat kerana sikap merupakan salah satu faktor yang kuat mempengaruhi pemerolehan B2 (Schmid, 2002).

Kajian Ryan dan Kaoru, (2013) mengkaji bagaimana tipologi kognitif mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua. Kajian ini berfokuskan pelajar Jepun dan Cina, berbentuk eksperimen dan menguji tiga hipotesis utama. Hipotesis pertama yang diberikan adalah bahawa penutur asli mempamerkan kecenderungan yang lebih tinggi menggunakan kata kerja daripada penutur asli bahasa Inggeris. Data menyokong hipotesis ini, pelajar Jepun dan Cina mempamerkan perbezaan yang signifikan untuk menggunakan corak rangka kata kerja daripada penutur asli bahasa Inggeris. Hipotesis kedua mengandaikan bahawa penutur asli akan belajar mengekodkan kata kerja lebih cepat berbanding daripada penutur asli bahasa kata kerja berbingkai. Ujian ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam cara pelajar Cina dan Jepun kecenderungan pengekodan. Pelajar Cina yang jauh lebih cenderung untuk

mengekodkan kata kerja utama seperti penutur asli bahasa Inggeris. Ini mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa penutur Cina cenderung untuk memberi tumpuan lebih kepada cara gerakan dalam ibunda mereka sendiri. Hipotesis terakhir mengandaikan bahawa penutur asli terdenderung untuk menggantikan kata kerja dengan bahasa ibunda dengan 'go' dalam bahasa Inggeris. Ujian ANOVA sekali lagi menunjukkan perbezaan signifikan antara pelajar Jepun dan Cina. Pelajar cenderung 'berfikir untuk bertutur' (Slobin, 1996) dalam bahasa ibunda dan semata-mata menggantikan dengan perkataan 'go' tanpa memahami bahawa ia boleh digantikan dengan 'come' atau lain. Kajian seperti ini sangat berkaitan dengan kajian ini kerana ia merupakan salah satu kajian yang melibatkan dua kumpulan responden yang berasal di benua Asia iaitu Jepun serta Cina dan bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua dalam amalan kehidupan harian.

5.4.2 Penemuan Positif Langkah-langkah Peningkatan Tahap Kompetensi

Lisan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam Bahasa Melayu.

Menurut keputusan analisa data didapati bahawa responden mencadangkan suatu Ujian Pengukuran Kompetensi Lisan Bahasa Melayu harus dijalankan di setiap Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Setiap orang guru pelatih wajib melepasi ujian tersebut untuk penganugerahan Ijazah Perguruan. Kebanyakan responden telah mengutarakan pendapat ini dan mempercayai bahawa guru

pelatih yang melepasi ujian ini tidak lagi akan menghadapi masalah dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu walaupun tidak mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bidang bahasa Melayu selepas ditempatkan di sekolah.

Penemuan ini hampir sama dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Adibah dan Azizah, (2010), mereka membuat penyelidikan dalam penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKBG dengan menggunakan kaedah soal selidik dan berpendapat bahawa *Malaysian University English Test* (MUET) sangat penting untuk menilai penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris pelajar yang bakal memasuki IPT. Pelajar-pelajar yang memasuki IPT tidak boleh lari daripada penggunaan bahasa Inggeris kerana mereka terpaksa menggunakannya semasa komunikasi lisan, ketika membuat rujukan dan penggunaan dalam kehidupan harian di IPT. Justeru, para pengkaji berpendapat, pelajar harus mengharungi (MUET) yang membantu menilai penguasaan bahasa Inggeris dalam aspek kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur sebelum masuk IPT.

Selain daripada itu, para responden juga berpendapat penyelidikan aspek-aspek komunikasi, semasa Pemantauan Kurikulum Berkualiti (PKB) akan membantu peningkatan kompetensi lisan guru bahasa kedua. Pemantauan adalah sebahagian daripada proses pendidikan ke arah penambahbaikan tingkah laku pengajaran, persekitaran pembelajaran, kurikulum dan perkembangan

profesional. Setiap organisasi pendidikan wajar mempunyai program pemantauan yang sistematik bagi melihat perjalanan pelaksanaan aktiviti akademik. Para responden mencadangkan aspek-aspek pemantauan harus ditambah dengan unsur-unsur bahasa seperti kefasihan, kosa kata, sebutan dan tatabahasa.

Menurut responden juga, penambahbaikan dengan unsur-unsur bahasa seperti kefasihan, kosa kata, sebutan dan tatabahasa dalam instrumen pencerapan ‘e-cerap’ yang kini mengutamakan aspek-aspek seperti penglibatan murid, penguasaan pembelajaran murid, perancangan dan persediaan rancangan pengajaran harian guru sudah tentu akan membuahkan peningkatan kompetensi lisan warga pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu.

Penemuan ini selari dengan pandangan Mortimore, (1995) berdasarkan kepada pandangan beliau penyeliaan pengajaran merupakan salah satu usaha penting dalam memantau keberkesanan pengajaran di sesebuah sekolah. Ini bertujuan memastikan guru-guru dapat memperkembangkan potensi diri dan mengatasi sebarang kekurangan sekiranya ada. Penyeliaan pengajaran juga dilihat sebagai satu usaha mendorong, menyelaraskan dan membimbing guru-guru dalam hal pengajaran supaya mereka terus mampu berfungsi sejajar dengan perkembangan semasa. Maka, penyeliaan dalam aspek-aspek amalan profesionalisme, kualiti penyampaian, kemahiran komunikasi dua hala, teknik

penyoalan dan perancangan dan persediaan guru harus diberi penekanan oleh pegawai pemantau semasa pencerapan dibuat.

Kenyataan ini disokong oleh Douglas, (1968) dalam Ramaiah, (1995) menyatakan bahawa penyeliaan sebagai satu usaha untuk mendorong dan membimbing guru dalam hal pengajaran supaya guru-guru lebih berupaya melakukan semua fungsi berkaitan pengajaran. Penyeliaan juga bertujuan meningkatkan tahap kebolehan guru-guru dalam mendorong dan membimbing perkembangan berterusan pelajar ke arah penyertaan cergas lagi efektif. Pemantauan dan penyeliaan yang sistematik dengan menggunakan instrumen pencerapan yang lengkap adalah merupakan salah satu ciri penting yang perlu ada di sekolah berkesan. Pemantauan dan penyeliaan ini adalah untuk memastikan '*core business*', pengajaran dan pembelajaran berjalan sebagaimana yang dirancang. Menurut Dornyei, (2001) tujuan pemantauan atau penyeliaan adalah untuk memperbaiki lagi keupayaan guru dalam pengajaran. Untuk melaksanakan aktiviti ini dengan berkesan, penilai atau penyelia seharusnya mempunyai instrumen pencerapan yang lengkap bagi menjalankan penilaian dalam pengajaran, pengesanan dan penilaian kebolehan serta juga hubungan manusia.

Seterusnya, kesemua responden mengatakan bahawa kita tidak boleh meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah tanpa memperbaiki kualiti guru. Maka, kompetensi guru-guru B2 harus dipertingkatkan demi kecemerlangan

murid dalam pembelajaran bahasa kedua. Pengelolaan dan penyampaian pelajaran harus dinilai bagi tujuan peningkatan kompetensi guru selaras dengan kemahuan pendidikan negara. Namun demikian, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil tiada satu kerangka bagi guru supaya boleh diikuti untuk menilai pengajaran dan pembelajaran serta memastikan apa yang guru bertutur dan bertanya boleh difahami, dibalas serta dijawab dengan sempurna oleh para pelajar. Selain itu, responden juga mengharapkan kerangka yang dibentuk digunakan di Institut Perguruan sebagai panduan untuk mengukur kompetensi lisan guru-guru pelatih sebelum mereka ditempatkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Oleh yang demikian, satu kajian ataupun kerangka harus dibangunkan untuk mengukur tahap kompetensi lisan supaya para guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil tidak ketinggalan dalam memberi sumbangan kepada Wawasan 2020.

Penemuan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Padilla dan rakan-rakannya dari Universiti Stanford (Lindholm-Leary, 2001; Padilla & Sungm 1979). Dalam penyelidikan yang dilaksanakan Padilla dan rakan-rakannya telah membentuk sebuah instrumen yang dikenali sebagai *Foreign Language Oral Skills Evaluation Matrix* (FLOSEM) untuk mengukur kompetensi lisan murid yang menuntut bahasa asing. Menurut mereka *Foreign Language Oral Skills Evaluation Matrix* (FLOSEM) direka untuk menyediakan penarafan global keupayaan untuk menguasai bahasa asing, dan difahami oleh orang lain. FLOSEM juga digunakan untuk memberi penarafan global dalam bidang

kefahaman, kefasihan, perbendaharaan kata, sebutan, dan tatabahasa. Menurut mereka, FLOSEM merupakan alat yang sah, digunakan dengan meluas di Korea dan Jepun dan boleh dipercayai. Dengan menggunakan FLOSEM, Padilla dan rakannya telah berjaya menilai tahap kompetensi pelajar dalam penguasaan bahasa asing. Penemuan ini disokong oleh Padilla, Sung dan Hyekyung (1999) yang menggunakan FLOSEM dalam kajian mereka.

Selain itu, semua orang responden juga mengatakan bahawa, keperluan guru mendapat maklumat terkini melalui kursus dan latihan dianggap penting kerana mereka adalah merupakan sumber utama dalam menyampaikan ilmu dan melaksanakan dasar-dasar serta peraturan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut mereka, kursus dan latihan merupakan asas dalam mempertingkatkan kompetensi guru dan bukan hanya boleh meningkatkan kemahiran mengajar, malahan boleh menajamkan kepekaan para guru bahasa Melayu kepada keadaan dan menjadikannya sentiasa bersedia untuk mengubahsuaikan dan mengadaptasikan sesuatu rancangan dengan kaedah yang jitu.

Selain itu, kursus dan latihan dalam perkhidmatan meliputi seluruh aktiviti yang membolehkan guru-guru menambah tahap pendidikan masing-masing, membina kecekapan ikhtisas dan meninggikan kefahaman mereka tentang prinsip-prinsip serta teknik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Para responden juga menegaskan bahawa usaha meningkatkan

pengetahuan dan menyampaikan maklumat baru bukan sahaja diperlukan oleh guru yang baru mula bertugas malah penting juga kepada guru-guru yang telah lama mengajar. Ini disebabkan banyak perkembangan terkini dalam dunia pendidikan seperti penggunaan komputer dan bahan bantu mengajar elektronik, kurikulum baru mata pelajaran sains dan matematik, perubahan dalam peperiksaan dan lain-lain lagi yang memerlukan kefahaman untuk dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran mereka. Maka, perkembangan staf juga mestilah dijadikan sebagai budaya sebuah sekolah serta perlu dilaksanakan secara berkala sepanjang tahun bagi meningkatkan kompetensi guru. Penemuan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ismail, (1996). Menurut beliau, guru harus diberi kursus dalam perkhidmatan supaya meningkatkan ilmu dan kemahiran mengajar mengikut edaran masa. Menurutnya: “Peningkatan dalam pengajaran tidak menjadi secara automatik, dan jika guru tahun demi tahun bergantung kepada apa yang telah mereka belajar semasa latihan, maka sudah tentu akan merosot lagi aspek profesionalnya”. Akibatnya, mereka mungkin sedang mengajar atau menyampaikan pendidikan semalam kepada warga negara esok (Subramaniam, 1998). Hasil kajian Doughty dan Williams, (1998) menunjukkan para guru yang telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan menjadi lebih berketerampilan untuk mengajar.

5.5 Cadangan untuk Penyelidikan Lanjut

Berdasarkan batasan tertentu, penyelidik ingin mencadangkan bahawa penyelidikan kajian kompetensi lisan guru bahasa Melayu ini harus diperluaskan kepada SJK Tamil dan SJK Cina yang lain di seluruh Malaysia. Seterusnya, penyelidikan akan datang juga perlu mengambil kira faktor jantina, faktor umur dan lokasi sekolah iaitu bandar dan luar bandar untuk mencari maklumat yang lebih lengkap tentang kompetensi lisan guru bahasa Melayu yang mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi menjamin pemartabatan bahasa Melayu di sekolah rendah sekaligus memastikan guru-guru kompeten menyampaikan B2 kepada pelajar dengan jayanya.

5.6 Rumusan

Malaysia memberi penekanan tinggi terhadap pembangunan modal insan kelas pertama dan bina upaya adalah pendekatan utama ke arah mencapai status negara maju pada tahun 2020. Modal insan adalah harta yang boleh disuntik nilai tambahnya, diinjakkan nilai intelegnya serta diperbanyakkan modal budayanya.

Pembangunan modal insan berkualiti bergantung kepada pendidikan berkualiti; yang dapat menghasilkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Pendidikan juga perlu membentuk modal insan yang mampu berfikiran kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang baru, mempunyai daya tahan serta kebolehan untuk berhadapan

dengan persekitaran global yang sering berubah.

Pembangunan sistem pendidikan bertaraf dunia mengikut acuan Malaysia adalah agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Justeru itu, guru perlu memahami, menunjukkan kesungguhan, dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan daya usaha dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Sebagai langkah untuk merealisasikan pembaharuan dalam pengajaran bahasa Melayu setiap orang guru bahasa Melayu harus menguasai ilmu bahasa secara menyeluruh supaya dapat memindahkannya kepada pelajar dengan betul dan tepat. Selain itu, guru juga harus berada dalam keadaan bersedia serta mengharungi cabaran-cabaran yang dihadapi untuk mengajar bahasa Melayu dan juga menjadi modal ataupun pakar rujuk kepada rakan-rakan seperjuangan lain yang memerlukan tunjuk ajar, dorongan mahupun semangat untuk terus memberikan perkhidmatan.

Justeru, sebagai usaha menghadapi krisis ini setiap warga pendidik bahasa Melayu harus melipat gandakan usaha masing-masing melalui meningkatkan tahap kompetensi lisan sebagai satu anjakan drastik. Dengan ini, usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu di arena yang lebih tinggi sudah tentu dapat dicapai.

RUJUKAN

- Abdul Shukor Abdullah, (1991). *Pengurusan organisasi: Perspektif pemikiran dan teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, (1999). *Profesionalisme motivasi pengurusan bilik darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd, (2000). *Kemahiran interpersonal untuk guru bestari*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abu Bakar, Zainudin, S.Haridas, & Dinesh Kumar, (2011). *Pencapaian akademik di SJKT yang berstatus sekolah kurang murid di daerah Kota Tinggi, Johor*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/11735/> pada 12-12-12.
- Adibah, A. L. & Azizah A. H., (2010). Penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG. *Universiti Teknologi Malaysia*, 1-13.
- American Association of Colleges for Teacher Education. (1985). *A call for change in teacher education*. Washington, DC:Author.
- Ang Lai Hoon, (1992). *Strategi komunikasi pelajar bahasa kedua*: Universiti Malaya.
- Atan Long, (1978). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. (1973). *Aggression: A social learning analysis*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A., (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A., (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A., & Walters, R. H., (1963). *Social learning and personality development*. New York: Holt: Rinehart and Winston, Inc.
- Brooks, N., (1960). *Language and language learning*. New York: Harcour Brace and World.
- Carroll, J. B., (1973). *Human cognitive abilities*. New York: Cambridge.

- Cashmere, L., (2009). *Ten tips to be a better teacher*. Retrieved from <http://ezinearticles.com>, pada :12-12-12.
- Chomsky, N., (1957). *Syntactic structure*. The Hague: Mouton & Co.
- Creswell, W. J., (2014). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. London: Sage Publications.
- Crow, C., (1983). *Psikologi pendidikan untuk perguruan. Terjemahan habibah elias*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Danapal, R., (2007). *Hubungan iklim akademik murid SJKT dengan konsep sendiri, relians sendiri dan kesediaan intelek* (PhD Thesis). Retrieved from <http://http://eprints.usm.my/view/year/2007.html>.
- Dornyei, Z., (2001). *Teaching and researching motivation*. Harlow: Longman.
- Doughty, C. & Williams, J., (1998). *Focus on form in classroom second language acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Douglas, B. H., (1968). *Principles of language learning and teaching*. Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.
- Ee Ah Meng, (1987). *Pedagogi untuk bakal guru*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ellis, J., (1984). *Teaching through games – A course in classroom teachings*. Retrieved from <http://ezinearticles.com>.
- Ellis, R., (1985). *Understanding second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Eva, G., & Reka, O., (2013). The relationship between the first language phonological awareness and the second language reading ability. *Transylvanian Journal of Psychology, 14*(2).
- Foster, P., (1965). The vocational school fallacy in development planning. *Education and economic development*. Chicago: Aldine.
- Fraenkel, J. R., & Norman, (1996). *How to design and evaluate research in education*. Amazon Editors: Amazon Inc.
- Fraenkel, J. R., (2005). *How to design and evaluate research in education*. Amazon Editors: Amazon Inc.

- Goh, C.C.M., Silver, R. E., (2004). *Language acquisition and development: A teacher's guide*. Singapore: Prentice Hall. Retrieved from <http://www.ncsu.edu/eslglobe/archivedsite/images/krashen.jpg>
- Gurtler, L., (2002). *Humor in educational contexts*. Paper presented at the 110th annual Meeting of the American Psychological Association, (Chicago, IL, 22–25 August 2002. (ERIC Document Reproduction Series No. ED470470).
- Hall, G.E., & Hord, S., (1987). *Change in school: Facilitating the process*. Albany: State University of New York Press.
- Horwitz, E. K., (2008). *Becoming a language teacher: A practical guide to second language learning and teaching*. Boston: Pearson Education Inc.
- Hulsen, (2000). *Language loss and language processing*: University of Nijmegen.
- Iran Herman, (1995). *Tingkah laku lepak di kalangan remaja luar bandar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, S., (1996). *Persepsi Kaunselor Terhadap Keberkesanan Kursus Dalam Perkhidmatan*. (Doctoral dissertation, Universiti Pertanian Malaysia).
- Jean, M. D., & Taghreed M. Al-Saraj, (2013). Foreign language anxiety: Some conceptual and methodological issues. *Impuls. Tidsskrift for psykologi*, 68 (3), 72-78.
- John, F. S., (2008). *Praising your students the write way*. Retrieved from <http://ezinearticles.com>.
- John, B., (2005). *A critique on moden education*: Manitham, Thanjavur. Retrieved from <http://indiatogether.org/opinions/pandey.htm>
- Johnson, R. B., (1997). *Understanding reliability and validity in qualitative research*. University of Toronto: Canada.
- Kirby, S., (1999). *Function, selection and innateness*. Oxford: Oxford University Press.
- Koepurun Devi Samu, (1992). *Masalah pembelajaran bahasa melayu di kalangan murid sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil): satu kajian kes*, (Master's thesis). Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/8943/1>.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

- Kubiszyn, T., & Borich, G., (2000). *Educational testing and measurement*. New York: John Wiley & Sons.
- Lenneberg, E. H., (1964). *Biological foundations of language*. New York : John Wiley & Sons. Inc.
- Lindholm, & Leary, (2005). English language learners in US schools: An overview of research findings. *Journal of Education for Students Placed at Risk*, 10(4), 363-385.
- Luna, F., & John A. H. (2013). Multiple factors in second language acquisition: The CASP model. *Linguistics*, 51 (1), 145–176.
- Mackey, W. F., (1965). *Language teaching analysis*. Burnt Mill, Harlow, Essex:Longman Group Ltd.
- Martha, B. C., (2013). *Dual language development & disorders: A handbook on bilingualism & second language learning, vol 11*. Paul H Brookes Publishing.
- Maslow, A.H., (1997). *Motivation & personality (2nd ed.)*. New York : Harper And Row.
- Mason, J., (2002). *Qualitative researching (2nd ed.)* London: Sage Publications.
- McLaughlin, B., (1987). *Theories of second language learning*. London: Edward Arnorld.
- Miles, M. B., & Huberman, M. A., (1994). *Qualitative data analysis: an expanded sourcebook (2nd edition)*. California: Sage.
- Mirela, C., (2002). *Between attrition and acquisition: The dynamics between two languages in adult migrants* (Doctoral Dissertation), Retrieved from <https://tspace.library.utoronto.ca/handle/1807/29683>.
- Mohamad Johdi Hj. Salleh, (2007). Guru efektif dan peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah: perspektif guru besar. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007, Kuching, Sarawak*. Retrieved from <http://www.ipbl.edu.my/>.
- Mohd. Majid Konting, (1990). *The incorporation of thinking skills in the school curriculum*. *Kajian Malaysia*, XXII, 2.
- Moore, D.W., & Hotch, D.F., (1982). Parent –adolescence separation: the role of parental divorce. *Journal of Youth Adolescence*, 11, 115-119.

- Mortimore, J. P., (1995). *Key characteristics of effective schools. A review of school effectiveness research*. University of London, London.
- Mulyasa, E., (2002). *Kurikulum berbasis kompetensi: Konsep, karakteristik, dan implementasi*. PT: Remaja Rosdakarya.
- Noran Fauziah Yaakub, (2004). *Bullying among national and national type school (tamil & chinese) primary school children with reference perak. laporan teknikal*. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norris, J., & Ortega L., (2000). *Effectiveness of L2 instruction: A research synthesis and quantitative meta-analysis*. University of Hawaii.
- Padilla, A. M., Sung, H., & Silva, D. M., (1999). *A statewide professional development program for California foreign language teachers*. *Foreign Language Annals*, 37(2), 301-309: University of California.
- Patton, M. Q., (1990). *Qualitative evaluation and research methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage.
- Punch, K. F., (2001). *Introduction to social seearch quantitative and qualitative approaches*. London: Sage.
- Ramaiah, A., (1995). *Penyeliaan-satu beban atau kemudahan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ray, R.D., & Robert, B. (2014). *Teaching children to read: the teacher makes the difference, enhanced pearson etext with loose-leaf version - access card package (7th ed.)*, Pearson Education.
- Reutzel, D. R., & Cooter, R. B., (2004). *The essentials of teaching children to read: What every teacher needs to know*. Prentice Hall.
- Richard, P.A., (1998). *Making it happen: Interaction in the second language classroom: From theory to practice*. New York: Longman.
- Robson, F. M., (2002). *Second language acquisition: From initial to final state*. In *J. Archibald (2002)*, 130-55.
- Rogers, D., (1981). *Adolescence and youth*. United State: Prentice-Hall.
- Rogers, C. R., (1940). The process of therapy. *Journal of Consulting Psychology* 4(5), 161-164.
- Rogers, C.R., (1950). Client-centered therapy: A helping process. *The University of Chicago Round Table*. 698, 12-21.

- Romana, D., (2012). Overview three core theories of second language acquisition and criticism. *Advances in Natural and Applied sciences*, 6(6), 752-762.
- Rosenthal, R., & Jacobson, L., (1968). *Pygmalion in the classroom*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Ryan, S., & Kaoru, H., (2013). How cognitive typology affects second language acquisition: a study of Japanese and Chinese learners of English. *Cognitive Linguistics*, 24(4): 689 – 710.
- Schmid, (2002). *First language attrition*. University of Giessen: Germany.
- Sekaran, V., (1992). *Research methods for business (2nd. Ed.)*. New York: Wiley.
- Sinniah, L., (1999). *Pillaigalin kalviyil petrorgal uthava mudiyum*. Kuala Lumpur: Penerbitan Jaya Bakti.
- Slaters, J.C., (1962). Symmetry and free electron properties of Gallium energy bands. *Physical Review*, 126 (4).
- Slobin, D., (2004). *Language in mind: Advances in the study of language and thought*, 157–192. Cambridge, MA: MIT Press.
- Stanovich, K. E., (1992). Matthew effects in reading: Some consequences of individual differences in the acquisition of literacy: *Reading Research Quarterly*, 21, 360-407.
- Stephen, K. S., (1988). *Principles and practice in second language acquisition*. New York: Pergamon Press.
- Subramaniam, P. R., & Woods, A. M., (1998). Task structures, student practice, and skill in physical education. *The Journal of Educational Research*, 91(5), 298-307.
- Suthanthiradevi, M., (1996). *Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu murid-murid India. (Master's thesis)*, Available from Library of Universiti Pertanian Malaysia.
- Van, T. E., & Hundley, V. (2002). *Managing ethical problems in qualitative research involving vulnerable populations, using a pilot study*. Retrieved from <https://ejournals.library.ualberta.ca/index.php>.
- Waty, Mohd. Noor, (2008). *Majalah pendidik: Guru sebagai asas motivasi bagi tingkahlaku negatif murid-murid*. Selangor: Widad Publication Sdn. Bhd.

- Wainer, H., & Braun, H., (1998). Psychometrics. *ETS Research Report Series*, (1), i-56.
- Wiersma, W., (2000). *Research methods in education: An introduction. 7th ed.* Boston: Allyn & Bacon.
- Yahaya, Azizi, Chinnapan, & Gangagoury, (2008). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran kemahiran hidup di SJKT di johor bahru.* (Tesis PhD). Available from Universiti Malaya.